



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4893]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 4918]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

*Jawatankuasa (Hari Pertama) —*

*Jadual —*

Kepala B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 4922]

Kepala B. 15 [Ruangan 4984]

USUL-USUL:

AKTA KASTAM, 1967:

Perintah Duti Kastam (Pindaan). (No. 16), 1977 [Ruangan 4919]

AKTA CUKAI JUALAN, 1972:

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2)

(Pindaan) (No. 2), 1977 [Ruangan 4920]

Anggaran Pembangunan, 1978:

*Jawatankuasa (Hari Pertama) —*

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 4922]

Kepala P. 15 [Ruangan 4984]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH, HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut)
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „„ **DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).**
- „„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „„ **TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).**
- „„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „„ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „„ **TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).**
- „„ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „„ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ **DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S.(Pekan).**
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ **TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ **TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).**
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN **SIBAT ANAK TAGONG** *alias* **SIBUT MIYUT ANAK TAGONG**  
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.  
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 18hb November, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KERETAKAN JAMBATAN/BANGUNAN

1. **Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak bangunan Kerajaan dan jambatan-jambatan yang telah retak-retak yang menunjukkan cerocoknya telah tidak dibuat dengan sempurna semasa mula-mula dibina dan mengapa juruternya tidak meneliti perkara ini dan apakah yang menyebabkan sebuah jambatan telah hanyut sejauh dua belas batu dari Bentong hingga sampai ke Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak menghadapi masalah retak-retak pada jambatan-jambatan dan bangunan-bangunan yang disebabkan oleh cacatan kerja-kerja cerocok atau piling. Retak-retak yang berlaku pada binaan tersebut pada umumnya adalah superficial plaster cracks atau retak-retak ataupun hair line cracks, retakan kena jadi halus yang mana diakibatkan oleh pertukaran suhu, sentapan konkrit (concrete shrinkage) dan differential settlement atau perbezaan hal

menurun, dan ini tidak akan memberi kesan buruk atas keselamatan binaan-binaan dan jambatan-jambatan tersebut.

Berkenaan dengan jambatan di batu 12, Jalan Kuala Lumpur/Bentong, jawapan yang sama pun telah diberi oleh saya semalam.

NUKLEAR REAKTOR

2. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:—

- (i) tujuan memiliki nuklear reaktor;
- (ii) kos memasang dan menjalankan nuklear reaktor apabila didirikan;
- (iii) samada ini adalah projek kerana mahukan kemuliaan atau sebuah projek yang lahir disebabkan keperluan;
- (iv) jumlah ahli-ahli sains tempatan yang berkelayakan untuk mengendalikan reaktor itu;
- (v) samada Kerajaan telah mengkaji kesan dan akibat-akibat yang timbul dari segi alam sekitar atau lain-lain apabila memiliki reaktor itu;
- (vi) negara yang akan memberikan pengetahuan pakar dan memasang nuklear reaktor itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Reaktor nuklear jenis TRIGA MK II yang akan dilengkapkan di PUSPATI adalah untuk membolehkan Pusat tersebut menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan iaitu:

- (a) Memberi latihan berupa kursus-kursus jangka pendek mengenai segala aspek sains dan teknologi nuklear seperti penggunaan radioisotope dan radiasi, instrumentasi nuklear, perlindungan radiasi dan fizik kesihatan.
- (b) Mengeluarkan berbagai jenis radioisotope untuk keperluan hospital-hospital, institusi-institusi penyelidikan, pusat-pusat pengajian tinggi dan perusahaan-perusahaan swasta.
- (c) Membuat penyelidikan dalam penggunaan teknologi nuklear dalam bidang perubatan, perindustrian, pertanian, hidrologi dan kajian alam sekitar.
- (ii) Keseluruhan projek PUSPATI dianggarkan berharga \$7.5 juta manakala kos reaktor nuklear sahaja ialah sebanyak \$4.9 juta.
- (iii) Projek PUSPATI lahir disebabkan keperluan dan bukan untuk kemuliaan.
- (iv) Menjelang tahun 1979 apabila reaktor mula 'critical' atau beroperasi kira-kira 50 ahli-ahli sains tempatan yang berkelayakan akan mengendalikan reaktor tersebut.
- (v) Kajian mengenai kesan dan akibat-akibat yang timbul dari segi alam sekitar atau lain-lain apabila memiliki nuklear reaktor itu telah dijalankan dan satu lapuran Analisa Keselamatan (Safety Analysis Report) telah disediakan dengan bantuan seorang pakar daripada Badan Antarabangsa Tenaga Atom atau IAEA. Mengikut lapuran tersebut reaktor ini tidak memberi apa-apa bahaya dari segi alam sekitar, pekerja-pekerja reaktor dan penduduk amnya.
- (vi) Pakar-pakar dari German Barat, Austria, Yugoslavia, Filipina dan Finland telah dihantar oleh IAEA bagi memberi pengetahuan pakar kepada

PUSPATI. Pemasangan reaktor nuklear di PUSPATI akan dilaksanakan oleh pembuatnya iaitu Syarikat General Atomic, California, U.S.A.

### PROJEK PERUMAHAN DI SAUDI ARABIA

3. Tuan Hashim bin Ghazali (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai di antara orang-orang kenamaan bukan beragama Islam telah mengambil kesempatan mendapatkan tender-tender bagi melaksanakan projek-projek perumahan di Saudi Arabia. Adalah difahamkan bahawa sebanyak 10,000 yunit rumah akan dibina di Mekah/Medinah dan kebanyakan tawaran ini datang dari Malaysia dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini kerana orang-orang yang bukan Islam adalah dilarang masuk ke tanah suci itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada orang-orang Malaysia bukan beragama Islam yang mengambil peluang untuk melabur di projek-projek perumahan di Arab Saudi, tetapi saya tidak dapat memastikan samada mereka itu orang-orang kenamaan kerana saya tidak mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan perkataan "orang-orang kenamaan bukan Islam".

Saya tidak dapat mengesah atau menafikan anggapan Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana saya tidak menerima butir-butir rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi mengenai perkara tersebut.

### PELABUHAN KELANG — BARANG-BARANG KEHILANGAN

4. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan memberi angka-angka

kehilangan atau kecurian yang berlaku di Pelabuhan Kelang dan harga barang-barang tersebut dari tahun 1974 hingga bulan Ogos, 1977; dan samada beliau sedar bahawa Syarikat-syarikat Insurance telah menaikkan premium untuk barang-barang yang diimpot atau diekspot di Pelabuhan Kelang disebabkan oleh risiko kecurian yang mana menurut jumlah tan yang dikelolakan oleh Pelabuhan tersebut, adalah lebih dari pelabuhan-pelabuhan lain. Jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal dan mengurangkan kecurian-kecurian itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, angka-angka bayaran bagi barang-barang yang tidak dapat diserahkan yang telah disahkan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang adalah seperti berikut:

Tahun 1974	— \$102,989.33
Tahun 1975	— \$ 89,386.19
Tahun 1976	— \$ 48,751.73
Tahun 1977	— \$ 27,632.97

(hingga bulan Ogos)

Kementerian Perhubungan tidak sedar bahawa Syarikat-syarikat Insuran telah menaikkan premium untuk barang-barang yang diimpot atau diekspot melalui Pelabuhan Kelang dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan yang lain. Walau bagaimanapun, Lembaga Pelabuhan Kelang sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan dan mengubahsuaikan dan peraturan mengendali barang-barang supaya disekat berlakunya kehilangan.

## KEKOTORAN AIR

**5. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pada masa ini tidak ada pertubuhan pusat yang menjalankan penyiasatan dan pembangunan mengenai cara-cara hendak mengatasi berbagai-bagai

aspek kekotoran air dan udara di Malaysia; dan

- (b) samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas yang terdiri Ahli-ahlinya dari pakar-pakar dari Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan penyelidikan, Universiti-universiti dan pihak swasta untuk menjalankan tugas mengenai aspek yang penting ini dan jika tidak kenapa.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya sedar. Memandangkan sains Alam Sekitar adalah merupakan “multi-disciplinary” sains dan perkembangan-perkembangan yang masih dalam peringkat awal mahupun di negara-negara maju dan baik pun di negara-negara membangun tidak praktik diadakan satu pertubuhan pusat untuk menjalankan penyiasatan dan penyelidikan mengenai cara mengatasi pelbagai aspek kekotoran air dan udara seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada air dan udara seperti yang dimaksudkan pada peringkat awal ini, saya berpendapat lebih bermanfaat sekiranya berbagai organisasi mahupun di sektor peribadi baik pun di sektor awam menjalankan penyiasatan dan penyelidikan masing-masing secara ‘issue-oriented’ dan ‘problem-oriented’ tetapi dengan koordinasi dan pertukaran hasil penyiasatan dan penyelidikan yang sesuai.

(b) Kementerian saya khasnya melalui Bahagian Alam Sekitar sedia ada beberapa pasukan petugas yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada Instituti-institusi Penyelidikan, Universiti-universiti, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan. Dengan hal yang demikian, tidak perlu menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas tambahan.

## NELAYAN PUKAT TUNDA DITANGKAP

**6. Tuan Oo Gin Sun** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa ramaikah nelayan-nelayan pukat tunda yang ditangkap kerana menangkap ikan secara haram dalam tahun 1974, 1975, 1976 dan sehingga bulan September, 1977;
- (b) berapakah jumlah denda kompaun yang dikutip masing-masing dalam tahun-tahun ini;
- (c) berapa banyak bot yang telah dirampas semenjak diadakan peraturan-peraturan baru tahun ini; dan
- (d) samada beliau sedar bahawa kadangkala nelayan-nelayan mendapati sangat susah atau tidak mungkin untuk menentukan 'had ukuran' di laut terbuka tanpa sebarang alat-alat pembantu. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu nelayan-nelayan ini untuk mengenal had-had kawasan supaya mereka dapat menangkap ikan di laut tanpa perasaan takut ditangkap.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan nelayan-nelayan yang ditangkap kerana menangkap ikan secara haram bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:—

Tahun	Bilangan Nelayan yang ditangkap
1974	1,236
1975	2,046
1976	2,316
1977 (hingga bulan September)	533

- (b) Jumlah denda kompaun yang dikutip dalam tahun-tahun yang berkenaan adalah seperti berikut:—

Tahun	Kutipan Denda Kompaun
1974	\$ 95,050
1975	232,591
1976	285,150
1977	71,250

- (c) Sebanyak empat (4) buah bot telah dirampas tahun ini sehingga sekarang.

- (d) Saya sedar. Oleh itu, kelonggaran (leeway) adalah diberikan sewaktu pihak berkuasa menguatkuasakan undang-undang. Ini adalah disebabkan nelayan-nelayan mungkin tidak dapat menentukan sesuatu kedudukan mereka di laut dengan tepat.

Walau bagaimanapun, lazimnya nelayan-nelayan boleh mengetahui kedudukan mereka bila menangkap ikan di luar dengan menentukan jarak mereka dari pantai terutamanya jika pantai masih lagi kelihatan.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengenai bot-bot yang dirampas itu terutamanya, adakah bot-bot ini daripada nelayan-nelayan dalam negeri kita iaitu nelayan Malaysia ataupun bot-bot nelayan daripada luar, umpamanya, daripada Thailand dan lain-lain.

Kedua, mengenai jumlah bot-bot yang ditangkap itu berapa buakkah bot-bot yang dirampas itu dicuri balik oleh tuan punya yang asal.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan bahagian yang kedua itu agak berkehendak notis, tetapi yang pertama bolehlah.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Soalan itu saya pun tidak tahu begitu detail, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat jawab.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tengku Noor Asiah!

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini panjang sangat macam baca essay, jadi lain kali saya ingatkan Yang Berhormat kalau buat

pertanyaan, biarlah ringkas. Ada tiga bahagian dalam soalan ini dan saintifik pula, saya pun baru tahu banyak ilmu yang saya belajar dari soalan ini. Baiklah, sila jawab.

### KEBERSIHAN DI BANDARAYA

**7. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa untuk menjaga kebersihan bandaraya dan mencantikkan pemandangan bangunan-bangunan, adalah difikirkan bahawa orang-orang yang tinggal di rumahpangsa hendaklah diberitahu supaya tidak menjemur dan menggantung baju-baju di merata tempat dan ini boleh menyebabkan tidak sesuai mata memandang (eye-sore) akan kebersihan pemandangan di rumah-rumahpangsa, sebaliknya ia hendaklah dijemur di tempat yang sesuai dan teratur di samping dapat menanam pokok-pokok rendah dan bunga-bunga yang terpilih ditanam di tengah jalan atau di tepi jalanraya yang boleh menghijaukan pemandangan di sekelilingnya. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan kempen kebersihan guna menyedarkan penghuni-penghuni rumahpangsa akan tanggungjawab mereka terhadap kebersihan bandaraya adalah perkara penting dan utama kerana membantu mengurangkan pencemaran daripada exhaust kenderaan, asap kilang, carbon dioxide dari penafasan manusia, abu debu dari berbagai punca malah pencemaran kebisingan dapat mengurangkan oleh tanaman pokok-pokok tersebut mengikut pakar horticulture dan environmental scientists sebanyak 1,000 kg. carbon dioxide dapat diresap oleh 2.5 ekar pokok-pokok jenis daun lebar dalam masa sehari dan pokok-pokok tersebut pula akan menyerap 730 kg. oxygen sehari dan 2.5 ekar pokok-pokok akan menghilangkan sebanyak 32 hingga 36.5 tan debu setahun di samping boleh mengurangkan cancer producing waste gas dari hawa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling**

**Liong Sik);** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat dan matlamat Dewan Bandaraya untuk menjaga kebersihan bandaraya dan mencantikkan pandangan bangunan-bangunan sesuai dengan Kuala Lumpur sebagai ibukota.

Bagi bangunan-bangunan rumahpangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya untuk menampung golongan yang berpendapatan rendah, peraturan-peraturan tertentu juga dikenakan supaya penghuni-penghuni menjaga kebersihan serta mengawal supaya tidak menggantung baju-baju di merata-rata tempat. Tetapi peraturan-peraturan ini sukar untuk dikuatkuasakan sepenuhnya oleh kerana beberapa sebab. Di antaranya ialah kemudahan untuk menjemur kain yang disediakan tidak mencukupi untuk kegunaan oleh satu-satu keluarga yang mempunyai anggota yang ramai. Oleh kerana rumahpangsa merupakan rumah kos murah, kemudahan yang lengkap tidak dapat diadakan sepenuhnya untuk menampung setiap keperluan penghuni-penghuni di atas sekatan kos.

Kempen-kempen kebersihan yang diadakan oleh Dewan Bandaraya adalah juga meliputi kawasan-kawasan rumahpangsa yang bertujuan untuk menyedari penghuni-penghuninya supaya lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan bandaraya. Kesan-kesan dari kempen ini agak kurang memuaskan dan keadaan ini memerlukan penguatkuasaan peraturan yang lebih serta kempen yang berlanjutan. Dewan Bandaraya telah bercadang untuk menyediakan kempen-kempen khas di rumahpangsa dan ini akan meliputi aspek-aspek dari segi kebersihan malah juga untuk mengatasi masaalah-masaalah seperti 'vandalism' seperti perbuatan-perbuatan merosakkan alat-alat yang disediakan termasuk juga tanaman pokok-pokok di kawasan sekitar yang bertujuan untuk mengindahkan lagi kawasan-kawasan rumahpangsa di sekitar.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad;** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa pencemaran

udara hasil daripada asap kenderaan, asap kilang, lori, bas dan kereta boleh menyebabkan pernafasan manusia dan paru-parunya rosak? Oleh itu, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya terbukti kecemaran di sesuatu tempat itu boleh mengganggu atau merosakkan kesihatan? Bolehkah Kerajaan mengarahkan iaitu dengan kerjasama pegawai penguatkuasa ataupun polis mengambil tindakan mengenakan denda kepada mereka yang berkenaan supaya pencemaran udara sentiasa bersih di bandaraya ini?

**Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu adalah soalan lain yang sepatutnya dirojak kepada Kementerian yang lain.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya belum sempat hendak bercakap, Yang Berhormat sudah bangun seolah-olah hendak menjawab soalan itu. (*Ketawa*)

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa adalah menjadi niat pihak Dewan Bandaraya untuk menjaga kebersihan dalam bandar tetapi ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen samada beliau sedar bahawa sehingga hari ini sistem mengangkut sampah yang dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya pun belum memuaskan. Jika beliau sedar, saya hendak mendapat tahu apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbetulkan hal ini?

**Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada di beberapa tempat sistem mengangkut sampah tidak memuaskan tetapi adalah beberapa sebab mengapa perkara ini terjadi. Satu daripada sebabnya ialah barangkali lori-lori mengangkut sampah itu rosak dan barangkali pekerja-pekerja ada sakit. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya mulai bulan April tahun ini telah melantik beberapa kontrektor-kontrektor untuk menampung kebolehan Dewan Bandaraya untuk menghadapi masaalah ini.

## ELAUN GURU-GURU KELAS PERPADUAN RAKYAT

**8. Tuan Su Liang Yu** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menaikkan kadar elaun bulanan guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat, memandangkan bahawa kadar yang dibayar sekarang tidak setimpal dengan tugas dan tanggungjawab yang mereka jalankan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat adalah dibayar elaun sebanyak \$4 satu jam di Semenanjung Malaysia dan \$5 satu jam di Sarawak. Perkara kenaikan kadar ini adalah dalam kajian.

## PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTRA

**9. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih lagi banyak pemborong-pemborong Bumiputra kurang ada peluang menyertai projek-projek pembangunan Kerajaan disebabkan Jabatan-jabatan Kerajaan kurang menyediakan tawaran untuk kelas mereka iaitu kelas "D" dan ke bawah dan kebanyakan tawaran ialah bagi kelas-kelas besar. Jika sedar, apakah langkah dan tindakan yang akan diambil supaya mereka dapat digalak menyertai kerja-kerja pembangunan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pemborong-pemborong bumiputra kelas "D" ke bawah kurang mendapat peluang menyertai projek-projek pembangunan. Kerajaan memang sedar bahawa kebanyakan pemborong-pemborong bumiputra adalah dalam golongan kelas bawah iaitu kelas "D" hingga "F" dan dengan itu beberapa langkah telah diambil bagi memastikan bahawa mereka berpeluang mendapat kerja. Di antara dasar yang diamalkan itu adalah seperti berikut:—

Pertama, semua kerja-kerja kecil di bawah \$20,000 yang berasaskan jadual kadar harga adalah dikhaskan untuk pemborong-pemborong bumiputra sahaja.

Kedua, kerja-kerja kontrek di bawah \$50,000 adalah juga dikhaskan kepada pemborong-pemborong bumiputra sahaja untuk membuat tawaran.

Ketiga, tambahan pula kebanyakan kerja-kerja yang bernilai \$1¼ juta ke bawah biasanya ditawarkan khas untuk pemborong-pemborong bumiputra. Kerja-kerja ini termasuklah kerja pembinaan sekolah-sekolah, pusat-pusat kesihatan kecil, mesjid-mesjid, surau-surau dan lain-lain lagi.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pemborong-pemborong bumiputra memang sedar bahawa sanya Kerajaan ada menyusun akan kelas-kelas kerja untuk mereka. Apa yang timbul masalah yang menjadi sungutan iaitu ada kerja merupakan \$20,000 ke bawah itu tetapi tidak dijadikan sedemikian rupa, dikumpulkan menjadi satu untuk menyenangkan mereka mengawasi dan mengelolakan pekerjaan itu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adakah beliau akan menyiasat dan memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa sanya perlaksanaan yang sedemikian rupa dapat dilaksanakan bagi kepuasan hati pemborong-pemborong bumiputra?

**Dr. Goh Cheng Telk:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat.

### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA — KEKURANGAN PEGAWAI

**10. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Bahagian Pembangunan Negara bagi menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga; jika sedar, apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkali adalah mengenai pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas pembangunan negara seperti Jurutera, Pegawai Pertanian, Pembantu Teknik, Pembantu Pertanian dan sebagainya.

Saya suka menegaskan di sini bahawa bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga, bilangan pegawai dan kakitangan yang mencukupi sangatlah mustahak. Oleh itu Kerajaan telah mengeluarkan banyak biasiswa dalam bidang-bidang tertentu seperti kejuruteraan, pertanian dan lain-lain lagi. Ramai daripada pemegang biasiswa tersebut telah kembali dan berkhidmat dengan Kerajaan. Selain daripada itu keupayaan Institusi-institusi Tempatan bagi melatih tenaga pekerja dalam bidang ikhtisas dan separa ikhtisas telah ditambah supaya bilangan mereka yang terlatih dapat dikeluarkan dengan lebih banyak lagi. Walaupun begitu, masih lagi terdapat kekurangan pegawai dan kakitangan yang diperlukan. Bagi mengatasinya Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti mendapatkan pekerja-pekerja dari dalam dan luar negeri secara kontrek.

Di samping itu, Kerajaan telah juga menubuhkan satu unit baru yang dipanggil Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia. Antara tugas unit ini ialah untuk menyelaraskan usaha perancangan keperluan tenaga manusia supaya sumber, pembahagian serta pembangunannya dapat diuruskan dengan berkesan di samping meninggikan keupayaan Kerajaan melaksanakan rancangan pembangunannya.

### POLISI PASARAN TERTUTUP

**11. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa negara-negara yang menjadi pasaran tradisi

telah bersikap pasaran tertutup. Jika ya, apakah langkah diambil supaya perdagangan Malaysia tidak terjejas.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, sukacita saya memaklumkan bahawa adalah tidak tepat mengatakan bahawa negara-negara yang menjadi pasaran tradisi telah menjalankan "polisi pasaran tertutup". Dalam pada itu beberapa negara telah mengambil langkah-langkah perlindungan dalam bentuk kenaikan tarif dan bukan tarif untuk mengawal impot barangan dari negara-negara sedang membangun, termasuk Malaysia, untuk melindungi perusahaan-perusahaannya sendiri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya perdagangan Malaysia tidak terjejas.

Malaysia telah mengadakan rundingan-rundingan dua hala dengan negara-negara maju yang merupakan pasaran tradisional bagi Malaysia seperti Amerika Syarikat, Canada, Australia, Jepun, New Zealand dan Kesatuan Ekonomi Eropah. Di dalam rundingan-rundingan ini Malaysia telah mengemukakan barangan-barangan eksport untuk dipertimbangkan untuk mendapat layanan atau kedudukan yang lebih baik melalui sistem Keutamaan Am' negara-negara yang berkenaan. Namun demikian, hasil rundingan-rundingan ini tidaklah begitu memuaskan. Usaha mendapatkan keutamaan juga dijalankan melalui ASEAN. Melalui ASEAN beberapa dialog telah diadakan dengan negara-negara maju yang berkenaan. Suka saya menyatakan iaitu melalui usaha ini, kita telah mendapat sedikit kejayaan. Seterusnya usaha-usaha juga telah dan sedang diambil melalui rundingan-rundingan banyak hala menerusi forum-foram antarabangsa seperti Multilateral Trade Negotiations di bawah GATT dan rundingan-rundingan di bawah UNCTAD. Tujuan utama rundingan-rundingan ini adalah bagi mendapatkan perlonggaran syarat-syarat perdagangan serta penghapusan sekatan-sekatan yang menjejaskan

kemasukan keluaran-keluaran eksport negara-negara sedang membangun seperti Malaysia ke pasaran negara-negara maju. Dalam hal ini Malaysia telah bekerjasama dengan negara-negara ASEAN yang lain supaya permintaan-permintaan kita dapat diselaraskan. Rundingan-rundingan ini masih lagi dijalankan dan dijangka akan tamat pada pertengahan tahun 1978.

### TABUNG WANG ANTARABANGSA (I.M.F.)

**12. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu menyedari akan peraturan-peraturan yang ketat yang diambil oleh pihak Kumpulan Wang Antarabangsa (I.M.F.) supaya Negara-negara ASEAN tiada dapat menggunakan kumpulan-kumpulan wangnya menggantikan kerugian pendapatan dari eksport samada langkah-langkah telah dimajukan untuk menukar peraturan-peraturan Kumpulan Wang Antarabangsa (I.M.F.). Jika tiada mungkin hendak mengubah peraturan-peraturan itu, apakah beliau cadang perbuat untuk membetulkan kedudukan perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar mengatakan bahawa Negara-negara ASEAN tidak dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada pada Tabung Wang Antarabangsa (I.M.F.). Sebenarnya tiga di antara lima buah negara ASEAN telah menggunakan kemudahan pembiayaan imbuhan (compensatory financing facility) I.M.F. untuk menampung kekurangan pendapatan dari eksport mereka semasa kemelesetan ekonomi dalam tahun 1975. Malaysia telah mengeluarkan sejumlah SDR iaitu Hak Peminjam Khas 93.0 juta dari tabung tersebut dalam bulan Ogos, 1976, sementara Filipina mengeluarkan SDR 77.5 juta dalam bulan April 1976 dan Thailand telah mengeluarkan sebanyak SDR 67 juta dalam Ogos 1976. Walau bagaimanapun Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain merasakan

bahawa kemudahan ini akan lebih berkesan lagi jika peraturan-peraturan mengenai penggunaannya dapat dilonggarkan dan ke arah inilah negara-negara ASEAN serta negara-negara membangun yang lain senantiasa mengambil kesempatan di persidangan-persidangan antarabangsa untuk mendesak supaya peraturan-peraturan berhubung dengan penggunaan kemudahan ini dilonggarkan lagi.

### INVESTIGATION PAPERS (IP) DI SABAH

**13. Tuan Abu Bakar bin Arshad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah benar banyak IP (investigation papers) di Sabah telah hilang dari simpanan Polis dan menyebabkan polis tidak dapat menjalankan siasatan lanjut, kiranya benar, berapa investigation papers telah hilang semenjak 1970 hingga 1976 bagi kes-kes yang belum dapat dibicarakan dan bagaimanakah surat-surat yang begini penting boleh hilang dan tidakkah ini menunjukkan pentadbiran adalah sangat lemah.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat semenjak tahun 1970 sehingga 1976 sebanyak 15,420 IP telah diujudkan di Sabah. Dari jumlah itu satu IP dan hanya satu Sudden Death Report apa yang dipanggil oleh polis SDR telah hilang. Jadi kehilangan itu sangatlah sedikit dan soal pentadbiran sangat lemah itu tidaklah timbul dan tidak benar. Juga kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawa kehilangan itu menyebabkan pihak Polis tidak dapat menjalankan siasatan lanjut adalah tidak benar kerana salinan-salinan IP dan Sudden Death Report tadi dan untuk penyiasatan dan tindakan selanjutnya boleh dijalankan. Yang sebenarnya yang dua yang hilang ini, satu ialah mengenai kejadian kematian seorang lelaki bernama Chow Chai Yee akibat ditikam di Lahat Datu pada 1.3.72 dan kehilangan Sudden Death

Report ini ialah bersabit dengan seorang lelaki bernama Engkabang anak Tagoh pada 14.4.76. Penyiasatan tidak tersekat atas kehilangan kertas-kertas ini.

### SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL — MURID-MURID

**14. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa kebanyakan murid-murid keluaran dari sekolah menengah vokesyenal tidak mendapat pekerjaan dengan jabatan-jabatan Kerajaan dan juga agensi yang lain. Dan jika dapatpun tanggagajinya berkurangan. Saya ingin tahu:

- (a) berapa banyak murid-murid yang telah lulus; dan
- (b) berapa banyak murid-murid yang dapat pekerjaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Slang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan pertamanya Kerajaan tidak menjamin yang mereka yang memasuki Sekolah Vokesyenal akan diambil bekerja dengan Kerajaan. Setahu saya kebanyakan mereka yang telah lulus kursus di Sekolah Menengah Vokesyenal telah mendapat pekerjaan samada dengan Jabatan Kerajaan atau dengan agensi-agensinya yang lain. Kerajaan telah menerima kelulusan Sijil Persekolahan Vokesyenal Malaysia setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (Malaysian Certificate of Education) dan pembayaran gaji adalah terpulang kepada sekiranya sesuatu jawatan atau kemampuan seorang majikan pihak swasta selaras dengan tanggungjawab sesuatu pekerjaan.

Untuk menjawab soalan (a) jumlah murid yang telah lulus di Sekolah Menengah Vokesyenal sehingga 1975 adalah 5,065 orang. Jawapan (b) mengikut banci yang dibuat bilangan yang sudah bekerja adalah 3,961 orang lebihkurang 80%. Banci ini tidak lengkap kerana tidak semua memberi maklumat tentang diri mereka.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri Pelajaran, adakah yang menyebabkan kebanyakan murid-murid keluaran daripada Sekolah Menengah Vokesyenal tidak mendapat pekerjaan di Jabatan Kerajaan atau ajensi-ajensi ini memang kurang daripada murid-murid yang dapat SPM kerana taraf mereka ini rendah jika dibandingkan daripada murid-murid sekolah menengah yang lain kerana murid-murid ini datang dari sekolah yang mereka gagal daripada sekolah rendah, bukan mereka ini terpilih?

**Datuk Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi iaitu Kerajaan telah menerima kelulusan SPVM setaraf dengan SPM/MCE. Jadi, dari segi perlantikan dan juga dari segi tanggagaji tidaklah ada perbezaan. Ini barangkali bergantunglah kepada kekosongan jawatan dan sebagainya. Bagi pihak Kerajaan, kedua-duanya adalah setaraf.

#### **CUKAI BAGI ISTERI/ANAK — KADAR PELEPASAN**

**15. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan telah menambah kadar pelepasan Cukai bagi isteri yang tidak bekerja dari \$1,000 ke \$2,000 dan bagi anak-anak pertama, dari \$750 ke \$1,000, anak kedua dari \$500 ke \$750 dan anak ketiga, keempat dan kelima dari \$350 ke \$500.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kadar pelepasan cukai bagi isteri telahpun dinaikkan dalam Belanjawan tahun lepas. Seperti yang dijelaskan dalam Belanjawan itu, kadar pelepasan ditambah dengan cara memberi rebate sebanyak \$30. Kerajaan lebih cenderung memberi 'rebate' ini yang berkadar rata dengan tidak menambah pelepasan untuk isteri atas alasan keadilan. Kesannya adalah lebih menguntungkan

mereka yang berpendapatan rendah yang dikenakan cukai mengikut kadar yang rendah. Jika pelepasan untuk isteri ditambah sebanyak \$1,000, misalnya dari \$1,000 ke \$2,000, golongan yang berpendapatan tinggilah yang akan lebih beruntung.

Kadar pelepasan bagi anak-anak tidak diubah kerana adalah difikirkan kadar pelepasan yang terdapat sekarang ini masih berpatutan. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain misalnya pelepasan cukai yang diberi untuk anak-anak di Malaysia adalah lebih kerana ia diberi untuk 5 orang anak, sementara di Filipina pelepasan adalah untuk 4 orang anak dan di Singapura untuk 3 orang anak sahaja.

#### **GERAKAN CAHAYA BINA**

**16. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar Gerakan Cahaya Bina I telah mendapat kejayaan; jika sedar, apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam gerakan tersebut dan kejayaan-kejayaan lain di dalam gerakan seperti itu juga.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama telah saya berikan pada 3hb November, 1977.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk tidak hadir).*

#### **SURUHANJAYA MENKKAJI KAWASAN KURANG MAJU**

**18. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk mengkaji dengan mendalam dan mengesyorkan cadangan-cadangan serta rancangan-rancangan atau mengadakan sebuah perbadanan bagi pembangunan kemajuan yang lebih pesat di kawasan-kawasan kurang maju seperti di Selatan Kedah, Kelantan dan Trengganu untuk mengimbangi dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh lain-lain kawasan di dalam Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya seperti dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat termaklum, Kerajaan telahpun mengikut strategi Pembangunan Wilayah untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara Negeri-negeri yang kurang maju dengan yang lebih maju. Untuk mengatasi keadaan ketidakseimbangan di antara Negeri-negeri, corak pelaburan Kerajaan telahpun diubah supaya Negeri-negeri kurang maju diutamakan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, beberapa Pelan Induk untuk Pembangunan Wilayah seperti untuk Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Kelantan, Trengganu Tengah dan lain-lain telah disiapkan. Lembaga-lembaga telah ditubuhkan untuk melaksanakan Pelan-pelan Induk bagi Wilayah Pahang Tenggara iaitu DARA, Johor Tenggara — KEJORA dan Trengganu Tengah — KE-TENGAH. Kerajaan sedang dalam proses menubuhkan satu Lembaga untuk membangunkan Wilayah Kelantan Selatan. Satu kajian pembangunan bagi wilayah Kedah-Perlis sedang dijalankan untuk merangkakan satu Pelan Induk bagi Kedah-Perlis. Tujuan kajian-kajian ini ialah untuk mendapatkan banyak lagi projek-projek pembangunan terutama di kawasan kurang maju. Saya yakin dengan adanya usaha untuk menguatkan jentera perancangan dan perlaksanaan di Negeri-negeri seperti Kedah dan Kelantan, kerja-kerja akan menjadi lebih licin lagi daripada yang didapati pada masa ini.

## LATIHAN KEPADA OPERATER

**19. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan kaji semula latihan yang diberi kepada operator-operator talipon memandangkan banyaknya aduan tentang kecakapan dan layanan mereka.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, seorang operator talipon di Jabatan Talikom adalah pada mulanya diberi latihan asas selama enam minggu diikuti dengan latihan 'refresher' yang diberi dari masa ke semasa. Operator-operator talipon bekerja di bawah pengawasan penyelia-penyelia yang terlatih. Kursus-kursus untuk operator adalah sentiasa dikaji untuk menjamin supaya kursus tersebut sejajar dengan keperluan perkhidmatan. Operator-operator adalah dilatih dengan objektif supaya bersopan santun, cekap dan cepat.

Pengaduan-pengaduan berkenaan dengan kelemahan dan kelakuan kasar mereka adalah disiasat secara perseorangan dan diikuti dengan tindakan sewajarnya terhadap mereka yang bersalah.

## DATUK MOHAMAD NASIR, MENTERI BESAR KELANTAN

**20. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Nasir, mengadakan satu rapat umum di Padang Merdeka, Kota Baru pada 24.9.77 di mana 70,000 orang menghadiri dan Ketua Pegawai Polis Negeri juga hadir dan lagipun satu rapat umum di Padang Bandar, Kota Baru pada 28.9.77 di mana 20,000 orang teiah hadir. Jika benar, berikan sebab-sebab Menteri Besar dapat mengadakan rapat umum sungguhpun Polis telah melarang rapat umum.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai keadaan di Kelantan pada waktu itu telahpun diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat. Walaupun begitu, biarlah saya mengumumkan di sini bahawa pada 24.9.77 itu bukanlah satu rapat umum. Ini adalah tunjuk perasaan, bukan rapat umum dan bukan satu political rally yang dianjurkan atau diaturkan oleh Menteri Besar.

Sebenarnya, pada hari itu seramai lebihkurang 15,000 orang, lebihkurang begitulah, dan bukan 70,000 seperti yang dinyatakan oleh akhbar, dan dikutip barangkali oleh Yang Berhormat. Mereka ini telah berkumpul di Padang Merdeka dan menuntut Datuk Menteri Besar menemui mereka dan sekiranya jika tidak ditemui mereka tidak mahu bersurai. Jadi untuk mengurangkan ketegangan maka Datuk Menteri Besar telah berjumpa dengan perhimpunan itu selama lebihkurang lima minit dan kemudiannya orang yang menunjuk perasaan itupun bersurai. Ketua Polis Kelantan turut hadir bersama, bukan mendorong atau bersama-sama masuk tunjuk perasaan, tetapi untuk meninjau dan menjaga keamanan dan menentukan perhimpunan tersebut supaya tidak melanggar apa-apa undang-undang, selain daripada illegal gathering tadi. Tunjuk perasaan yang ada pada 28.9.77 di Padang Bandar, Kota Baru dihadiri oleh lebih kurang mengikut taksir Polis 5,000 orang, bukan 20,000 seperti yang dinyatakan. Begitu juga tunjuk perasaan ini bukan political rally yang dianjurkan oleh sesiapa, tetapi tunjuk perasaan untuk menyambut kepulangan Menteri Besar dari Kuala Lumpur. Datuk Menteri Besar telah berucap selama sepuluh minit dan kemudian orang ramai telah bersurai. Ketua Polis Daerah Pasir Mas hadir di situ untuk menjaga keamanan. Jadi satu perkara, yang saya suka mengingatkan di sini, waktu tunjuk perasaan di Kota Baru itu, di seluruh Kota Baru itu sahaja pada waktu itu mempunyai 300 anggota Polis termasuklah

yang menjadi driver, operater dan kerani di dalam pejabat polis termasuk yang menjaga jalan dan sebagainya. Bermakna separuh daripada itu yang boleh bertugas. Jadi kalau bilangan begitu untuk menghadapi seramai 15,000 itu tidak wajar barangkali kalau diterpa, dan kebanyakan mereka ini berumur 45 tahun ke atas yang sudah hendak pencen. Jadi sesudah peristiwa itu, baharulah tambahan-tambahan ini dihantar ke Kota Bharu. Maka keadaan itu sekarang aman dan dapat dikawal.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa rapat umum yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ialah bukan satu rapat umum tetapi satu tunjuk perasaan. Saya ingin mendapat tahu daripada Menteri yang berkenaan samada tunjuk perasaan itu ialah satu tunjuk perasaan yang haram. Sekiranya ialah satu tunjuk perasaan yang haram, mengapakah tindakan tidak diambil?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soal Kelantan ini, Dewan ini sudah membahaskan sampai pukul 2.40 pagi, jadi hendak tahu apa lagi. Sudahlah.

#### PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN NEGERI MELAKA

**21. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak membina sebuah bangunan baru bagi Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Melaka, jika ya, bila dan jika tidak, adakah Kementerian berkenaan menganggap bahawa Pejabat RIMV Melaka yang ada sekarang sudah mencukupi.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian saya untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai bagi bangunan baharu Pejabat

Pengangkutan Jalan Negeri Melaka. Sebaik-baik sahaja Kerajaan Negeri Melaka meluluskan tapak yang dicadangkan itu kerja-kerja untuk mendirikan bangunan yang baharu akan dimulakan.

menepati dasar Kerajaan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia. Majlis Perbandaran Petaling Jaya tetap akan melaksanakan dasar Kerajaan di dalam hal ini.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 adalah diberi di bawah ini).*

## PERBANDARAN PETALING JAYA

22. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar tentang tindakan yang dilakukan oleh Perbandaran Petaling Jaya untuk menghapuskan ayat-ayat Bahasa China di tanda-tanda jalan di Kampung Baru Sungai Way, Selangor yang telah ujud lebih dari 20 tahun dan telah membangkitkan rasa tidak puas hati yang berleluasa di kalangan penduduk-penduduk Kampung Baru tersebut di mana 90% dari penduduk-penduduk terdiri dari kaum China dan demi memelihara keharmonian dan muhibbah kaum adakah Kerajaan mengarah Perbandaran Petaling Jaya mengadakan tanda-tanda jalan seperti yang ujud sedia kala dahulu.

**Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Petaling Jaya mengambil alih pentadbiran kawasan Kampung Baru Sungai Way pada bulan Julai 1977. Pada masa pengambilan alih itu papantanda-papantanda jalan di Kampung Baru Sungai Way itu tertulis dalam 2 bahasa iaitu Bahasa Malaysia dengan huruf rumi dan Bahasa China dengan tulisan China. Penggunaan bahasa di papantanda jalan perlu diselaraskan di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan tidaklah dapat dikecualikan mana-mana tempat di dalam Majlis Perbandaran tersebut. Soal penggunaan bahasa-bahasa lain di papantanda tidak timbul kerana papantanda-papantanda jalan hendaklah dibuat di dalam Bahasa Malaysia sahaja sebagai bahasa rasmi. Tindakan Majlis Perbandaran Petaling Jaya tidak salah dari segi undang-undang dan

## SEKOLAH UGAMA MENENGAH TINGGI

17. **Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan Pusat bercadang hendak membina sebuah Sekolah Ugama Menengah Tinggi di Sarawak. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Datuk Chan Siang Sun:** Tidak.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI  
KEUNTUNGAN HARTA TANAH  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**AKTA KASTAM, 1967**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16)  
1977**

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang bilangan 71 tahun 1977 disahkan. Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda kadar-kadar duti impot atas:—

- (i) Teh
- (ii) Barang-barang yang diperbuat daripada kulit atau kulit campuran seperti barang-barang untuk perjalanan iaitu 'trunks', 'suit cases' dan sebagainya; kotak rokok, kotak curut; beg tangan, 'brief case' beg golf, beg untuk membeli belah dan sebagainya,
- (iii) Kasut kulit,
- (iv) Barang-barang kemas
- (v) Alat-alat photography seperti camera, projector dan sebagainya,
- (vi) Jam tangan, jam saku dan jam dinding.

Kadar-kadar duti yang baru adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual I kepada Perintah tersebut yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perintah yang sama adalah juga untuk meminda kadar-kadar cukai eksport atas getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit. Tujuan meminda kadar-kadar duti impot dan duti eksport ini telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya pada 18hb Oktober, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang bilangan 71 tahun 1977 disahkan.

**AKTA CUKAI JUALAN 1972**

**Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai)  
(No. 2) (Pindaan) (No. 2) 1977**

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972 Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 1977, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang bilangan 72 tahun 1977 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda kadar cukai jualan atas barang-barang emas dan berlian daripada 10% kepada 5%. Pindaan ini adalah dibuat sebagai langkah Belanjawan 1978 untuk menggalakkan perdagangan bagi barang-barang ini seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya pada 28hb Oktober, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972 Perintah cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 1977, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang bilangan 72 tahun 1977 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Ang-

garan Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (17hb November, 1977).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Kepala B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, B.13 dan B.14 (Jadual) —*

*Kepala P.8 dan P.10 (Anggaran Pembangunan, 1978)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini sedang membahaskan Kepala Bekalan B.1 hingga B.14 dan juga Kepala Pembangunan P.8 dan P.10 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada hari semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedang bercakap dan saya benarkan dia menyambung ucapannya. Sila.

3.28 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung ucapan saya dan yang pertama saya merujuk Kepala B.8 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti 12— Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am. Atas perkara ini saya ingin menyebutkan sedikit tentang Biro Pengaduan Awam.

Berhubung dengan Biro Pengaduan Awam, saya mengambil ingatan bahawa baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah membuat satu pengumuman bahawa Biro Pengaduan Awam akan diberi kakitangan tambahan untuk menjalankan kerja-kerja yang telah bertambah banyak. Walau bagaimanapun, melihat anggaran gaji tahun 1978 untuk Yunit Perancangan Am. Sosio-Ekonomi yang bertambah sebanyak \$404,700 berbanding dengan peruntukan tahun 1977, maka ini tidak menunjukkan sebarang pertambahan kakitangan Biro tersebut

jika diambilkira bahawa gaji yang dibayar adalah berasaskan gaji mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Jika sekalipun ada pertambahan dalam bilangan kakitangan jumlah ini adalah kecil kerana jumlah \$404,700 akan dibelanjakan bukan sahaja bagi Biro Pengaduan Awam bahkan juga untuk Yunit Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi pada keseluruhannya.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memperergusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Biro Pengaduan Awam hari ini masih menghadapi kekurangan kakitangan untuk menjalankan kerja-kerjanya. Adalah difahamkan bahawa Pasukan Petugas yang dilantik untuk menyiasat kedudukan Biro Pengaduan Awam telah menyempurnakan kerjanya dan syor-syornya diterima oleh Kabinet dan oleh Kerajaan. Syor-syor ini bertujuan untuk menjadikan Biro Pengaduan Awam ini lebih berkesan tetapi ini hanya mungkin jika ada pertambahan kakitangan dalam ertikata yang sebenar.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Yunit Perancangan Am dan Pendidikan Sosio-ekonomi akan membelanjakan \$500,000 bagi tahun 1978 apabila dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan Perbekalan tahun 1977, adalah diharapkan bahawa Menteri yang berkenaan akan dapat memberitahu Dewan ini apa yang telah dibuat setakat ini oleh Yunit ini dari segi menjalankan penyelidikan yang mendalam terhadap masalah-masalah sosio-ekonomi yang beraneka rupa seperti yang dihadapi oleh rakyat jelata di negara kita ini. Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Yunit Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-ekonomi tiap-tiap tahun akan hanya berfaedah jika ia benar-benar dapat merancang dan membuat dasar-dasar yang efektif bagi mengatasi kepincangan-kepincangan Sosio-ekonomi negeri ini dan mengadakan kemudahan untuk mengatasinya. Negara kita Malaysia hari ini dihadapi oleh berbagai-bagai masalah Sosio-ekonomi yang perlu dikaji dengan mendalam khasnya berkenaan dengan

sebab-sebab kejadian itu berlaku sebelum langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, masalah seperti setingan-setingan, penjaja-penjaja, dadah, masalah kehausan tanah, masalah pengangguran dan aktiviti jenayah dan sebagainya adalah masalah sosio-ekonomi yang mesti diteliti dan diselidiki dijalankan oleh Yunit ini supaya cara-cara yang munasabah dapat diwujudkan untuk mengatasinya dan tindakan diambil untuk memperelokkan taraf kehidupan atau meninggikan kualiti kehidupan orang-orang yang terlibat. Sehingga ke hari ini tidak boleh dikatakan bahawa Yunit Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah membuat sumbangan yang menganalisa masalah-masalah yang saya sebutkan sebentar tadi dan oleh kerana itu saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya membuat penjelasan tentang apa yang telah dikatakan oleh saya untuk bagaimana boleh mencari jalan-jalan yang lebih efektif bagi mengatasi berbagai-bagai masalah Sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Aktiviti (3) dalam muka surat 40 mengenai Penyelarasan Perlaksanaan. Atas Penyelarasan Perlaksanaan saya perhatikan bahawa salah satu tujuan bahagian ini ialah memaju serta mengekalkan pada setiap masa sistem pentadbiran Kerajaan yang dinamik dan berkesan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan dan juga membaiki lagi kebolehan pelaksanaan pembangunan melalui perubahan dalam pentadbiran, menjalankan sikap jimat-cermat dan kecekapan dalam tindakan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada tujuan yang begitu mustahaknya, saya menggesa semua Jabatan-jabatan Kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki jentera pentadbiran mereka dengan lebih efektif, dengan tujuan untuk memberi

perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih memuaskan kepada orang ramai. Pada waktu menjalankan tugas saya sebagai seorang Wakil Rakyat dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, saya masih menerima aduan-aduan daripada orang ramai bahawa mereka masih tidak puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh sebilangan Jabatan-jabatan Kerajaan. Mereka mengadu bahawa ada terdapat sebilangan pegawai-pegawai yang tidak cekap dan tidak berbudi bahasa. Tuan Pengerusi, saya bukan mengatakan di sini bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan adalah tidak cekap dan sopan santun, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa di dalam satu Jabatan Kerajaan yang begitu besar mungkin terdapat sebilangan kecil pegawai-pegawai yang mencemarkan imej Jabatan oleh kerana mereka tidak memberi gambaran yang baik kepada orang ramai dengan sikap mereka.

Saya berharap, Tuan Pengerusi, bahawa Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan di dalam Jabatan Perdana Menteri akan menyedari masalah yang saya ada sebutkan tadi dan bergiat untuk mengelakkan kejadian itu dari berlaku. Saya ingin tegaskan di sini bahawa adalah mustahak supaya semua Jabatan-jabatan Kerajaan mengambil tindakan untuk memperbaiki jentera pentadbiran mereka dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan dengan mutu yang tinggi untuk berkhidmat kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Kepala B.8 Pecahan-kepala 1100 mengenai Aktiviti (9) — Urusetia Perpaduan Negara. Tuan Pengerusi, memandangkan kepada peranan penting yang dimainkan oleh Sekretariat atau Urusetia Perpaduan Negara dalam menggalakkan perpaduan negara, ingin saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil setakat ini ataupun langkah-langkah yang akan diambil untuk membuat kajian yang mendalam ke dalam masalah-masalah perkauman di negara ini serta merangka rancangan-rancangan untuk menghapuskan ataupun mengu-

rangkan polarisasi kaum di negara kita. Janganlah kita berpura-pura dan berkata masalah perkauman di negara kita telah selesai dengan penubuhan Sekretariat Perpaduan Negara. Jauh darinya, Tuan Pengerusi. Malah setiap hari kita memerhatikan polarisasi kaum kian bertambah di negeri ini. Setakat ini nampaknya Sekretariat Perpaduan Negara tidak begitu efektif dalam menyelesaikan ataupun mengurangkan masalah ini. Biarlah kita berterus terang, kita tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah perkauman yang timbul dari diskriminasi kaum yang dilakukan dengan hanya mengadakan majlis-majlis perhubungan masyarakat sahaja, dengan menganjurkan pertandingan sukan atau pertandingan menulis essay mengenai Rukunegara ataupun dengan menerbitkan kalendar perpaduan. Langkah-langkah yang lebih positif dan realistik hendaklah diambil untuk mengatasi masalah perkauman yang kian meningkat. Misalnya, aduan-aduan mengenai diskriminasi perkauman dan menganjurkan dialog-dialog bagi tujuan mendapatkan feedback adalah satu perkara. Tetapi samada hasil siasatan ataupun feedback ini boleh menyumbang ke arah merangka strategi yang berkesan untuk mengatasi keadaan tersebut adalah satu perkara yang lain.

Setakat ini Sekretariat Perpaduan Negara dalam pandangan saya telah gagal mencapai apa-apa pun dalam mengatasi masalah-masalah perkauman serta menghapuskan polarisasi-polarisasi kaum, oleh kerana sejumlah besar wang yang akan dibelanjakan untuk Sekretariat ini setiap tahun adalah penting. Wang yang dibelanjakan itu dibelanjakan dengan baik dan hasil-hasil yang menggalakkan dapat diperolehi. Dengan mengambil perhatian perkara inilah saya hendak tahu dari Menteri yang berkenaan apakah yang sebenar telah dibuat sehingga ini ataupun akan dibuat oleh Sekretariat Perpaduan Negara dalam menggalakkan perpaduan negara selain dari menjalankan aktiviti-aktiviti yang dalam pandangan kami ialah tidak berkesan dalam mendapati solusi-solusi yang kekal untuk

menyelesaikan masalah-masalah perkauman yang kian meningkat. Tugas-tugas membuat satu kajian yang menyeluruh dalam masalah-masalah perkauman di negara ini memerlukan sesuatu yang lebih dan bukan hanya dengan menubuhkan sekretariat perpaduan negara sahaja. Apa yang perlu sekarang pada pandangan saya ialah supaya sebuah instituit perhubungan kaum yang akan dikehendaki membuat kajian yang menyeluruh di dalam masalah-masalah perkaum serta membuat perakuan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang Pecahan Kepala B.4, Aktiviti (2) — Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Mengenai pendaftaran tahunan pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih, ingin saya menyatakan di sini bahawa sungguhpun banyak telah diperkatakan di dalam Dewan ini pada masa yang lampau oleh pihak Jabatan Perdana Menteri untuk mempertahankan Suruhanjaya Pilihanraya tetapi adalah tidak dapat dinafikan bahawa sehingga ini masih terdapat kelemahan-kelemahan di dalam Suruhanjaya Pilihanraya yang boleh dan mesti diperbetulkan.

Sehingga ini Suruhanjaya Pilihanraya belum dapat memperoleh satu cara atau sistem yang boleh menjalankan pendaftaran pengundi dengan berkesan. Sistem dan cara yang diamalkan sekarang tidak dapat mendaftar pengundi-pengundi dengan maksimanya, Tuan Pengerusi.

Tidak lama dulu, saya ingat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ada mengumumkan bahawa selepas pendaftaran tahunan pemilih yang dijalankan baru-baru ini iaitu di antara 2hb Jun hingga 13hb Julai tahun ini iaitu dalam masa 42 hari, dalam masa itu 556,358 pengundi-pengundi baru telah didaftarkan. Itu apa yang dikatakan oleh Suruhanjaya Pi-

lihanraya dalam satu kenyataan yang dikeluarkannya kepada pihak akhbar.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya kejayaan yang dilaung-laungkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak begitu memuaskan. Jika sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya ada mempunyai sistem yang berkesan atau yang lebih efektif, saya yakin lebih ramai lagi pengundi-pengundi dapat didaftarkan dan mungkin bilangan yang disebutkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu dapat dilipatgandakan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab seorang Pengerusi baru telah dilantik untuk mengetuai Suruhanjaya Pilihanraya, saya haraplah bahawa beliau akan dapat membuat satu kajian tentang sistem yang dijalankan sekarang. Saya harap juga bahawa beliau dapat merumuskan satu sistem pendaftaran pengundi yang baru dengan tujuan untuk menentukan bahawa tiap-tiap tahun apabila pendaftaran pengundi-pengundi dijalankan, maka jentera dalam Suruhanjaya Pilihanraya itu dapat menentukan bahawa pengundi-pengundi maksima dapat didaftarkan.

*3.44 ptg.*

**Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Pecahan-kepala B.8, Butiran 1100 — Gaji dan Upahan; Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri.

Di sini saya suka merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbangkan permohonan untuk pendahuluan yang munasabah kepada Ahli-ahli Parlimen yang layak menerima pencen di bawah Akta Saraan Ahli Parlimen 1960 daripada pencen Ahli-ahli supaya apabila mereka bersara bayaran pendahuluan ini boleh diselaraskan.

Saya dimaklumkan bahawa Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri boleh dapat pendahuluan pencen seperti ini diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kabinet. Sekiranya benar, saya

rasa tidaklah adil jika permohonan yang serupa ini daripada Ahli-ahli Parlimen tidak boleh diluluskan kerana Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri atau Ahli-ahli Parlimen masuk di dalam rumah yang mulia ini secara pilihanraya. Itulah, Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini diambil perhatian.

Saya juga ingin menyentuh Pecahan-kepala P.8, Butiran 19 — Menyediakan Kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi Peniaga-peniaga kecil sebanyak \$8,500,000.

Rasa saya ini adalah satu peruntukan yang baru. Tetapi saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagaimana peniaga-peniaga kecil ini dapat menikmati dari peruntukan yang sebanyak ini dan bagaimana caranya untuk membuat permohonan. Adakah hawkers juga termasuk di dalam peruntukan ini.

Sekarang saya suka menyentuh Pecahan-kepala B.1 — Parlimen, Butiran 2300, Aktiviti (2) — Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Saya mendapat tahu Pemangku (Timbalan) Yang di-Pertua ditugaskan sebagai kain buruk. Apabila dikehendaki disuruh memangku dan apabila tiada dikehendaki beliau diketepikan. Saya suka mencadangkan satu jawatan Penolong Speaker diwujudkan supaya Pemangku (Timbalan) Yang di-Pertua ini mempunyai suatu tempat yang kekal di Pejabat Yang di-Pertua supaya dia tidak dipanggil bertugas apabila dikehendaki sahaja.

3.48 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala Bekalan B.1 — Parlimen, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, muka surat 29.

Parlimen telahpun mempunyai Impres Akaunnya sendiri. Semua bayaran samada

elaun ataupun gaji adalah dibayar di bawah akaun tersebut. Oleh kerana impres akaun ini mustahak, maka saya fikir satu peruntukan tambahan perlu diadakan supaya apa-apa juga perbelanjaan yang dikehendaki oleh Parlimen, boleh dibayar melalui impres akaun ini. Ini bermakna Parlimen tidak perlu meminta Perbendaharaan bila-bila yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, satu contoh bagaimana perlunya impres akaun yang berasingan perlu diadakan di Parlimen. Umpamanya, peruntukan perbelanjaan meraikan pelawat-pelawat luar negeri, misalnya Ketua-ketua Rombongan Parlimen luar negeri, Ketua-ketua Negara Asing yang melawat Parlimen, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan Luar Negeri yang mengadakan Lawatan Sambil Belajar dan menyaksikan cara-cara Persidangan Parlimen atau seumpamanya, hendaklah diadakan satu peruntukan khas tanggungan, atau sekurang-kurangnya diadakan satu peruntukan tanda sehingga mendapat satu persetujuan mengenai peruntukan tersebut diadakan. Ini berdasarkan bahawa rombongan-rombongan timbal balas, seperti C.P.A., I.P.U., A.P.U. dan sebagainya yang Parlimen mungkin menjadi tuan rumah bila sampai masanya kelak. Saya ingin mengesyorkan bahawa supaya Kerajaan dapat menimbangkan peruntukan seumpama ini sebagai satu perkara yang mustahak untuk kegunaannya pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B.4 — Suruhanjaya Pilihanraya, muka surat 36, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Kita telah merdeka selama 20 tahun lebih. Negara kita juga mengamalkan demokrasi berparlimen. Demokrasi memberi hak kepada rakyat sebagai pengundi untuk memilih wakil-wakil mereka. Dalam pengalaman kita yang begitu lama, saya rasa sudah sampai masanya kita berfikir semula untuk mengadakan undang-undang wajib seseorang itu mendaftarkan dirinya sebagai pengundi. Mengundi

sebagai satu perkara wajib dan hendaklah dimasukkan di dalam Undang-undang Wajib Pilihanraya sebagai pengundi. Peruntukan undang-undang hendaklah diadakan dan dengan ini memastikan bahawa warganegara yang layak mestilah mengundi sebagai perkara wajib.

Tuan Pengerusi, mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, sejumlah 187,000 orang pekerja berada dalam sektor perkilangan; 156,000 orang pekerja berada dalam sektor getah. Jumlah kedua-dua sektor swasta ini ialah 343,000 orang pekerja. Manakala pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam berjumlah seramai 500,000 orang.

Mengikut kajian dan pendapat umum bahawa lebih daripada satu pertiga pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam tidak pergi mengundi. Mengapa? Sejak dari tahun 1971 hingga tahun 1977 mereka sibuk membincangkan kedudukan tanggagaji dari Laporan Suffian hinggalah kepada Laporan Kabinet.

Ada di antaranya mengatakan bahawa samada mereka mengundi atau tidak, kedudukan dan kepentingannya tidak terjejas. Pendapat dan reaksi umum adalah sama. Seramai 70.36% pengundi daripada 16,069 pengundi berdaftar di Parit Jawa, Johor telah keluar mengundi pada 6.11.1977 ini. Di mana lagi 29% yang tidak keluar mengundi? Keuaian ini tidak boleh dibiarkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula jentera pentadbiran undang-undang wajib pilihanraya diadakan. Ini akan memberikan kesedaran kepada rakyat, samada miskin ataupun kaya, akan tanggungjawabnya terhadap bangsa dan negara.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P.8 — Jabatan Perdana Menteri, muka surat 58, Butiran 13 — Pusat Penyelidikan Uagama dan Butiran 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Uagama

Islam, muka surat 49.

Tuan Pengerusi, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan ialah mengenai ugama Islam. Peruntukan yang diminta sebanyak \$2,500,000. Adalah nyata bahawa Negeri-negeri kebanyakannya tidak cukup mempunyai hasil Negeri. Memandangkan hakikat ini, saya ingin mengesyorkan supaya Jabatan Hal Ehwal Uagama Islam di Jabatan Perdana Menteri dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada mana-mana pihak masjid dan surau di Negeri-negeri yang memerlukan bantuan kewangan, sekiranya ada yang meminta, hendaklah dipertimbangkan. Terdapat sekarang ini banyak masjid dan surau yang memerlukan pendapat pembelaan daripada Kerajaan. Sekiranya Jabatan Hal Ehwal Uagama Islam dapat menyasiat di tiap-tiap Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Uagama Islam Negeri-negeri, walaupun saya tahu negeri berkuasa ke atas masjid dan surau, tetapi saya yakin dan percaya untuk penyelarasan pentadbiran ugama, Kerajaan Pusat boleh memberi bantuan kewangan kepada masjid dan surau di Negeri-negeri yang memerlukan bantuan kewangan. Ini akan dapat menaikkan imej negara kita yang berteraskan Islam sebagai ugama Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuhnya.

3.56 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya bangun dan sebelum saya berucap saya hendak menentukan pendirian saya supaya jangan tersilap faham. Apa-apa juga teguran yang saya buat bukanlah sekali-kali dengan tujuan atau hasrat untuk mencari salah sahaja kerana untuk mencari salah memang senang. Tetapi adalah semata-mata dengan tujuan, sebagai seorang daripada luar, memang senang dapat memandang perkara-perkara yang terjadi di hadapannya, dengan tidak ada fikiran bias dan sebagainya, maka dengan itulah saya suka mengambil peluang di dalam perbincangan ini

di samping menyokong membawa beberapa teguran.

Pertamanya saya tumpukan kepada penyelarasan iaitu di bawah Kepala B.8, Butiran 1100, Aktiviti (3) iaitu Penyelarasan Perlaksanaan. Tuan Pengerusi, penyelarasan di dalam apa bidang adalah sangat mustahak. Kalau kita keluarkan wang berapa juta sekali-pun, tetapi kalau penyelarannya tidak berjalan dengan baik, maka wang kita itu mem-bazir sahaja. Saya lihat di sini jika di dalam tahun 1977 bilangan kakitangan kita 170 tetapi tahun 1978 pun 170 juga. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat menambah pegawai-pegawai dan kakitangan untuk berkhidmat di dalam bahagian penyelarasan ini. Saya katakan ini kerana ada beberapa perkara yang saya anggap adalah perkara-perkara, yang tidak mendatangkan kebaikan dari segi penyelarannya, yang saya sendiri sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri; tetapi acknowledgement pun saya tidak dapat terima. Ini barangkali bukan kerana salah pegawai di Jabatan Perdana Menteri tidak hendak menjawabnya tetapi barangkali surat-surat saya itu kena ambush di tengah jalan, kerana kadang-kadang surat saya itu adalah sememangnya memecahkan komplot-komplot, racket-racket yang menyalahgunakan wang-wang Kerajaan. Saya minta izin, Tuan Pengerusi, kerana ini adalah di dalam Peringkat Jawatankuasa dan kita boleh bongkar butir-butir, membawa 2-3 perkara butir-butir untuk berhadapan dengan kita dan pegawai-pegawai yang ada dan saya minta kepada mereka supaya catitkan apa yang saya hendak sebutkan ini.

Satu perkara yang saya telah sampaikan di Bahagian Penyelarasan, tetapi tidak ada acknowledgement, adalah Cek No. 493956 O.C.B.C. bertarikh 18.6.1973, iaitu merupakan satu commission yang diberi oleh UDA kepada Wong Loke Wan I/C No. 7965380, Alamat 38, Continental Park, Kuchai Road, Kuala Lumpur. Cek itu ditandatangani oleh Kingsley Yuen dan Phang Hong Kee, barangkali Tuan Pengerusi terperanjat kerana

jumlah adalah 2% daripada \$18,576,000. Maknanya lebihkurang \$371,520. Cek ini telah dikeluarkan tanpa izin daripada Lembaga Pengarah UDA tanpa baucar dan sebagainya.

Lagi satu cek No. 493995 sehingga No. 493999. Yang No. 493995-493999 itu berjumlah \$500,000 iaitu \$100,000 satu, kononnya untuk party fund. Pada 9.11.1973 dan 8.12.1973 cek ini juga ditandatangani oleh Kingsley Yuen dan Phang Hong Kee. Lagi satu No. 027.....

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Ini mengenai apa?

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Ini hendak membuktikan bahawa perlunya Bahagian Penyelarasan ini ditambah pegawai-pegawainya supaya dapat pegawai-pegawai ini kalau surat disampaikan untuk mengawasi penyelarasan dapat mereka itu bertindak, dapat mereka itu bekerja. Ini kerana kekurangan pegawai surat-surat macam ini barangkali tidak dapat dilayani. Itulah saya hendak buktinya.

Lagi satu cek No. 027601 bertarikh 19.6.1974 kepada Kejuruteraan Advance, jumlahnya ialah \$100,000 juga ditandatangani oleh kedua-dua orang yang saya sebutkan itu dan ke semuanya tanpa baucar, tanpa diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berkenaan dengan penyelewengan adalah juga saya sampaikan kepada Bahagian Penyelarasan tetapi telah diambush di tengah jalan berkenaan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC). Kerajaan mempunyai syer ekuiti 60% lebih barangkali di dalam MISC tetapi apa jadinya. Kapal ini sewenang-wenang di maharajalelakan oleh satu kumpulan keluarga sahaja. Tidak payah saya sebutkan namanya di sini. Umpamanya agensi-agensi perkapalan, kontrek-kontrek dan lain-lain perusahaan yang bersangkutan dengan bidang perkapalan di Port Swettenham,

misalnya kerja pelabuhan dimiliki oleh seorang Datuk, kerana dia bukan pegawai Kerajaan, bolehlah saya sebutkan namanya iaitu Datuk Eu Eng Hock dan juga bersabit dengan ini diserahkan kepada adik-beradik daripada Leslie Wee dan Leslie Eu ini adalah Pengarah di dalam syarikat MISC yang saya katakan tadi.

Pulau Pinang, di pelabuhan ini stevedoring bagi kapal-kapal MISC dan kapal-kapal lain yang diwakili oleh MISC adalah diusahakan oleh Syarikat Malaysian Trade dan Transport yang dipunyai oleh Encik Ong Chin Teik, seorang bekas Pengurus Tugas-tugas Khas MISC.

Di Singapura, MISC diwakili oleh Leoship Singapore kepunyaan Robert Kuok. Sepatutnya agensi perkapalan di Singapura ini diserahkan kepada PERNAS-MISC.

Di Bangkok, MISC diwakili oleh Thai International dan Coastal Shipping Company Limited, kepunyaan Richard Sun, salah seorang Lembaga Pengarah MISC.

Hongkong, diwakili oleh International Maritime Carrier Limited. Ini juga kerana ada hubungannya dengan Frank Tsao adalah seorang Timbalan Pengerusi MISC.

Banyak lagi, Tuan Pengerusi, nepotismnya di mana adik-beradik dilantik untuk menjadi pengurus-pengurus dan sebagainya di Oceanwide Transport Company di Rotterdam dan lain-lain. Semua perkara-perkara ini sudah bosan saya beberapa kali menuliskannya, menulis kepada anti-corruption, menulis kepada Badan Penyelarasan tetapi tidak ada apa-apa pun sambutannya, barangkali kuat sangat reket ini. Kerana kuatnya, asal datang sahaja surat cap daripada "Ahli Parlimen Kuala Selangor, Raja Nasron" ada orang ambush di tengah jalan. Barangkali saya hendak gunakan lain kali pula tektik lain supaya dapat surat-surat itu sampai.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan B.8, Aktiviti (5). Aktiviti (5) ini menunjukkan adanya Pentadbiran Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana kita tahu pada masa-masa kita dahulu, iaitu Tuan Pengerusi dengan saya lebihkurang umurnya, kerana umur peringkat kita pun sama, di masa-masa kita dahulu Pak-pak Lebai, Pak-pak Imam, Tok-tok Kadi, kalau mereka bekerja untuk ugama Islam tidak bergaji, sukarela sahaja semata-mata untuk ibadat, berpahala dan perkhidmatannya memanglah sangat memuaskan sungguhpun dengan sukarela. Sekarang ini Pak Imam bergaji, Tok Kadi bergaji, yang menyebarkan ajaran-ajaran ugama berdakwah dan sebagainya, semuanya bergaji. Dengan sebab itu kalau adalah satu-satu perkara yang patut dibuat oleh mereka untuk kepentingan ugama, sungguhpun pada hati kecilnya dia tahu perbuatannya itu betul, adalah perbuatan sesuatu badan itu salah, misalnya; dan mereka ini telah ditugaskan untuk menyiasat gerak-geri badan yang tersebut, tetapi takut mereka ini hendak membuat penyiasatan dengan sebenarnya kerana makan gaji, salah-salah buat laporan, gaji habis, kena berhenti, dan lain-lain disiplin dibuat. Dengan sebab itu saya minta agar Jabatan Perdana Menteri dapat menekankan kepada orang-orang ini bahawa mereka ini berkhidmat adalah lain sedikit dengan pegawai-pegawai Civil Service yang lain, iaitu beri mereka ini kebebasan pada segi ugama, misalnya mereka bebas boleh membuat apa laporan sahaja, tidak ada dikenakan apa-apa disiplin.

Saya menyebut perkara ini kerana soalan Freemason telah saya timbulkan di Parlimen ini barangkali sudah berkali-kali. Bukan kerana saya hendak menuduh Freemason satu badan Yahudi patut dihapuskan, patut disingkirkan — tidak, tetapi saya hendak menentukan samada badan itu badan baik atau badan tidak baik; badan yang benar-benar membuat kebajikan atau badan kongsi gelap Yahudi, kita hendak membersihkan Freemason ini. Dan di dalam satu ucapan yang telah diberi, tugas itu sudah diberi kepada

Bahagian Pentadbiran Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat siasatannya. Sudah hampir setahun siasatan ini tidak juga dapat dibuat oleh mereka. Jadi saya berharap dapatlah pegawai-pegawai yang ada di Jabatan Ugama Islam ini, demi kepentingan Islam, saya berseru kepada mereka janganlah takut kepada sesiapa; sediakanlah laporan itu supaya dapat Kerajaan benar-benar mengambil satu sikap yang tegas menghapuskan, kalau benar-benar badan yang saya katakan Freemason itu badan yang akan mendatangkan merbahaya kepada negara dan ugama kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa pula kepada B.8 di bawah Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Pentadbiran Am ini memanglah luas, semua sahaja kita panggil Pentadbiran Am. Jadi bila saya kenangkan Pentadbiran Am ini yang juga di bawah Jabatan Perdana Menteri mustahak sangat saya sentuh mengenai kedudukan negara. Saya baca pula suratkhbar semalam dan hari ini berkenaan dengan beauty contest. Negara-negara Asia banyak telah mengarahkan beauty queen masing-masing menarik diri kerana menentang sikap apartheid yang diamalkan oleh salah satu negara yang mengambil bahagian di situ. Kalaulah India, Pakistan, Indonesia dan lain-lain negara Afrika boleh menarik diri, mengapa Malaysia tidak hendak mengarahkan beauty queen kita menarik diri. Alasan yang diberikan oleh pengurus beauty queen itu kononnya belanja-belanja nanti siapa hendak tanggung, adakah Kerajaan Malaysia hendak menanggung belanja-belanja yang telah dibiayai oleh pihak-pihak yang tertentu.

Di sini soalnya adakah belanja ini lebih penting ataupun imej negara kita lebih penting. Saya berharap pihak-pihak Pentadbiran Am di Jabatan Perdana Menteri dapat mengarahkan kedutaan kita supaya dengan tegas mengarahkan pula beauty queen kita menarik diri daripada pertandingan yang sedang diadakan sekarang.

4.12 ptg.

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Perdana Menteri dalam Dewan ini. Dalam hal ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang pandangan saya kemungkinan tidak disebutkan oleh sahabat-sahabat saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Di dalam Butiran 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Ugama Islam. Di dalam hal ini, berkenaan tarikh menetapkan Hari Raya Haji. Pada tengahari ini barulah disiarkan oleh pihak Kerajaan Hari Raya Haji jatuh pada hari Ahad — lusa, yang sepatutnya kita patut tahu sekurang-kurangnya seminggu terlebih dahulu daripada tarikh hari ini.

Kita bersetuju oleh kerana tarikh menentukan awal bulan puasa atau Hariraya Puasa hendaklah melihat anak bulan, tetapi tarikh bagi menentukan Hari Raya Haji, kalau tidak silap saya, jatuh kepada 10 Zulhijjah. Jadi oleh sebab itu sepatutnyalah kita sudah tahu tarikh Hari Raya Haji ini daripada 1 Zulhijjah lagi, daripada tarikh tersebut bererti 10 hari selepas daripada tarikh masuk kepada bulan Zulhijjah maka jatuhlah kepada Hari Raya Haji. Ini saya bermaksud oleh kerana tarikh-tarikh seperti ini ialah tarikh tertentu, hari kebesaran kepada umat Islam di negara kita dan juga kita sedia maklum ugama Islam ialah ugama rasmi negara. Jadi sudah sepatutnyalah di atas nama negara, di atas ugama Islam sebagai ugama rasmi tarikh yang seperti ini hendaklah ditentukan sepertimana biasa ditentukan pada masa-masa yang lampau. Selain daripada itu tarikh ini juga terlibat kepada beberapa masalah tertentu di atas pentadbiran negara. Misalnya cuti am dan kalau terjatuh kepada satu tarikh yang tidak tentu kemungkinan pegawai-pegawai yang ada seramai 500,000 orang dalam negara kita ini hendak memohon cuti dan sebagainya kepada pihak jabatannya kemungkinan menjadi masalah, misalnya kalau pegawai-pegawai di jabatan-jabatan

yang tinggi, saya rasa kemungkinan saya tidak dapat melihat keadaan yang sebenarnya, tetapi pekerja-pekerja di hospital kalau tidak ditentukan tarikh-tarikh yang tertentu maka mereka tidak dapat menikmati hariraya seperti ini dengan sebaik-baiknya sepertimana umat-umat Islam yang lain di dalam negara kita. Oleh sebab itu saya merayu kepada pihak yang berkenaan, kepada Kerajaan supaya pada masa-masa hadapan Hari Raya Haji dapat ditentukan daripada Zulhijjah lagi supaya dapat kita sebagai umat Islam dan menjaga maruah ugama Islam, ugama rasmi negara dapatlah ditentukan sepertimana tahun-tahun lalu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyebut berkenaan dengan Kepala P.8, Butiran 8 — Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar, yang telah ditentukan sebanyak \$45,000,000 pada tahun 1978. Apabila sahaja disebut luar bandar maka saya dengan sendirinya adalah datang daripada luar bandar iaitu kawasan Matang di dalam daerah Larut dan Matang di dalam Negeri Perak yang lebih terkenal sungguhpun ada disebut “matang” ialah lebih pandai daripada yang lain lebih bijak daripada yang lain, tetapi kawasan saya kawasan yang berada di luar bandar ini masih ketinggalan di dalam jalanraya ataupun jalan-jalan luar bandar yang sepatutnya di dalam tempoh 20 tahun kita mencapai kemerdekaan sudah banyak dapat dilaksanakan. Saya tidak tahulah bagaimana keadaan di kawasan Bandar Baru/Kulim tetapi di kawasan Matang banyak jalan-jalan seperti ini yang masih ada sehingga saat ini, sungguhpun beberapa kali sudah dikemukakan melalui Dewan ini di dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat daerah, ataupun dalam perjumpaan-perjumpaan yang tertentu supaya pandangan ini diambil perhatian berat, bermaksud jalan-jalan yang ada disebutkan jalan-jalan luar bandar ini dapat dibubuh batu, dibubuh tar dengan modal yang paling kurang sekali untuk faedah penduduk di tempat itu bagi cara beransur-ansur. Katalah jalan yang sejauh 4 batu, kalau sekiranya pihak Kerajaan tidak sanggup me-

laksanakan 4 batu pada masa yang sama ataupun pada tahun yang sama, bolehlah Kerajaan menentukan 4 batu ini sekurang-kurangnya 4 tahun bagi menjayakannya yakni satu batu setahun, ertinya 4 tahun akan siaplah jalanraya yang seperti ini.

Sungguhpun perkara ini disebutkan di dalam Dewan ini biasanya dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri ataupun sesiapa juga yang berkenaan menyatakan jalan luar bandar ialah ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri. Saya bersetuju apa yang disebutkan begitu tetapi pada masa peruntukan diberi sebanyak \$45 juta atau \$40 juta pada tahun sudah tentulah pihak Kerajaan Pusat sudah menentukan sudah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bagaimana pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, daripada pandangan-pandangan kami inilah disalurkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri memberi maklumat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pelaksanaan permohonan kami yang seperti itu dapat dilaksanakan.

Bukan ertinya pihak Kerajaan Pusat melaksanakannya, tetapi Kerajaan Negeri. Pada masa pembrian ini diberi sepatutnya cadangan yang dikemukakan di dalam Dewan ini diambil perhatian dan disalurkan kepada Jabatan Perdana Menteri, kemudian dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Dengan cara ini saya percaya dapatlah perseimbangan jalan-jalan luar bandar yang ada di seluruh negara dengan tidak ada perbezaan, Tuan Pengerusi. Sebabnya saya kata perbezaan, ada terdapat, negeri-negeri di dalam negara kita ini sudahpun buat sepertimana yang saya katakan tadi tetapi ada negeri-negeri yang tidak dapat menunaikannya lagi. Ini kerana apabila sahaja saya sebut kawasan Matang yang berada dalam Negeri Perak ini terbayanglah kepada kita Perak sebuah negeri yang besar, yang luas, masih banyak jalan-jalan yang seperti ini dan susahlah pihak Kerajaan Negeri hendak membuat sepertimana yang disebutkan di sini. Ertinya \$45 juta yang ditentukan sini diberi

kepada Kerajaan Negeri Perak kemungkinan pada anggapan saya tidak mencukupi bagi melaksananya. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya diambil perhatian berat bagi menjayakan jalan-jalan luar bandar yang masih banyak memerlukan pertolongan daripada Kerajaan Pusat dapat dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telahpun pada anggapan saya disusun oleh pihak Kerajaan Negeri.

Bila saya sebut ini saya suka memohon kepada Yang Berhormat Menteri sebuah ataupun sebatang jalan luar bandar daripada Temerloh ke Kuala Trong dalam kawasan Matang di Daerah Larut dan Matang di Negeri Perak di kawasan saya, sejauh 4½ batu yang sudah dibuat peruntukan sebanyak \$1.1 juta itu yang sudah sekian lama, tidak silap saya, segala urusan pembelian tanah dan sebagainya sudah selesai, hanya pelaksanaan sahaja tidak dapat dilaksanakan lagi. Sungguhpun pada dua tahun yang sudah diluluskan mengikut peringkat-peringkat tetapi oleh kerana yang tertentu maka lagi sekali saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian supaya diberi peruntukan ini di dalam kawasan saya ini dan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, dalam P.8, Butiran 9 — Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar, peruntukan sebanyak \$4,890,000. Dalam hal ini, saya minta izin ingin menyebutkan berkenaan dengan satu daripada pegawai-pegawai Kerajaan juga yang ada di dalam negara kita, yakni Penghulu dan Penggawa. Penghulu dan Penggawa, Penghulu disebut di negeri-negeri tertentu, Penggawa disebut di Negeri Kelantan. Mereka ini mempunyai jawatan menjaga mukim di bawah pentadbiran Pegawai Daerah di Pejabat Daerah dan mereka ini juga yang mempunyai tanggungjawab yang banyak yang semua masaalah yang ada berkaitan dengan rakyat di mukimnya melalui mereka, mereka kemukakan kepada pihak Kerajaan. Dan begitulah juga Kerajaan hendak menyalurkan sesuatu

kepada rakyat disalurkan melalui Penghulu inilah juga, Penghulu atau Penggawa.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah di dalam pembangunan negara yang pesat pada masa ini di luar-luar bandar ataupun di dalam bandar khususnya di peringkat mukim yang saya katakan tadi pembangunan begitu pesat, ada di setengah-setengah peringkat pembangunannya sedang berjalan pada masa ini. Misalnya, sekolah-sekolah yang ada pada masa ini sudahpun dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran bagi membuat bangunan-bangunan baharu dan di dalam mukim-mukim ini pula bangunan-bangunan baharu didirikan. Bukan sahaja sekolah-sekolah malah bangunan balai polis yang baharu juga dibuat oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Di dalam kawasan saya sendiri keseluruhannya sudah didirikan balai polis baharu dan tempat kediaman polis yang baharu. Begitu juga bangunan-bangunan yang lain yang telah didirikan oleh pihak Kerajaan. Tetapi, pihak Penghulu, Penggawa ini tidakpun diambil perhatian berat supaya mereka juga patut mempunyai bangunan untuk dijadikan pejabat mereka dan untuk menjadi dewan ataupun apa yang disebut kompleks Penghulu. Di dalam negara kita ini bukan kita menafikan tidak ada terus, sudah ada dibuat di Negeri Johor. Di Negeri Johor ada dibuat kompleks Penghulu. Di sini tempat Penghulu dijadikan pejabat mereka dan juga ada pejabat-pejabat kecil seperti Pertanian, RISDA yang ada di peringkat-peringkat mukim boleh ditempatkan di kompleks Penghulu ini, dan didapati apa yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor keadaan pentadbiran yang ada di Johor itu telah berjalan dengan sempurna. Di Negeri Perak ada Balai Penghulu. Di kawasan saya ada, tetapi Balai Penghulu yang didirikan sudah begitu lama, kecil tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang, kerana jika ada seorang Penghulu dalam Pejabat tersebut barangkali empat lima orang sahaja dapat duduk dalam pejabat mengadakan mesyuarat. Padahal Penghulu ini memerlukan sebuah dewan besar untuk berjumpa dengan

Ketua-ketua Kampung atau berjumpa dengan rakyat di kawasannya bagi keperluan pentadbiran di peringkat mukim.

Dari sini kita nampak apa yang saya sebutkan tadi bahawa di Johor, Perak, barangkali di Selangor ini ada tetapi saya tidak dapat memaklumkan di negeri-negeri yang lain. Cuma Negeri Kedah sendiri, negeri Tuan Pengerusi sendiri, ada dimaklumkan kepada saya iaitu negeri tersebut tidak disediakan Pejabat Penghulu sepertimana yang ada di Johor ataupun di Perak dan mungkin seperti itu juga ada ataupun sudah berjalan di negeri-negeri lain di Semenanjung negara kita. Pada anggapan saya sudah sampai masanya pihak yang berkenaan mendirikan kompleks Penghulu ataupun Pejabat Penghulu bagi keperluan Penghulu dan Peggawa ini supaya mereka dapat mentadbirkan mukim mereka dengan sebaik-baiknya bagi faedah negara dan rakyat.

Selain daripada itu, ada juga suka memaklumkan oleh kerana Penghulu, Peggawa ini masih lagi di dalam Kerajaan Negeri, ada terdapat di negeri-negeri yang ada rumah kediaman untuk Penghulu, tetapi ada negeri-negeri di dalam negara kita ini Penghulu-penghulu terpaksa diam di dalam rumahnya sendiri. Oleh sebab itu, pada pandangan saya eloklah Kerajaan mengambil perhatian supaya Penghulu-penghulu dapat diberi rumah kediaman sepertimana guru-guru sekolah ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang menikmati di atas pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, selain daripada pejabat Penghulu, Peggawa ataupun kompleks Penghulu, Peggawa rumah kediaman mereka eloklah juga Kerajaan mengambil perhatian berat yakni oleh Penghulu ini selain mentadbirkan mereka juga terpaksa mempunyai perhubungan dengan jabatan-jabatan ataupun pegawai-pegawai dari peringkat dalam daerah mereka. Kalau tidak silap saya kadangkadang mereka terlalu sibuk di atas urusan-urusan yang perbelanjaan perjalanan diberi-

kan oleh pihak Kerajaan terhadap kepada mereka. Oleh sebab itu, sudah sepatutnyalah selain daripada taraf mereka dapat ditinggikan, pejabat mereka dapat disediakan, rumah kediaman mereka dapat disediakan sepatutnya sebagai sebuah pejabat yang berdamping rapat dengan rakyat dan Kerajaan, eloklah disediakan pula talipon di pejabat mereka sepertimana pejabat-pejabat yang lain.

Di dalam hal ini, saya berharap sangat-sangat sungguhpun jawapan mungkin disebut pentadbiran Penghulu juga ialah pentadbiran Kerajaan Negeri, tetapi di dalam bahagian pembangunan seperti ini Kerajaan Pusat hendaklah bersama-sama dengan Kerajaan Negeri supaya apabila mereka berkumpul, apabila mereka mengkaji Penghulu yang seramai lebih kurang 500 orang di dalam negara kita ini mereka tidak bercakap masaalah perbezaan pentadbiran di peringkat Kerajaan. Sungguhpun ini Kerajaan Negeri tetapi melibatkan Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang berat bersama-sama bagi membangunkan apa yang disebutkan tadi pejabat ataupun kompleks Penghulu, Peggawa, rumah kediaman mereka dan talipon di dalam pejabat mereka supaya mereka dapat berkhidmat dengan lebih baik lagi daripada yang ada pada masa ini.

4.33 *ptg.*

**Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membincangkan perbahasan atas peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri, B.1 — Parlimen, muka surat 29, Butiran 1100, Aktiviti (2).

Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti bilik pejabat di tower block. Saya cuba hendak gunakan bilik saya di atas sana, tetapi saya tidak lihat ada orang lain di sana, saya pun rasa

takut kerana sunyi dan tidak ada apa-apa benda pula di sana. Lagi pun, Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Bangunan Parlimen ini dikawal.

**Wan Zainab binti M.A. Bakar:** Sungguhpun dikawal, Tuan Pengerusi, tetapi di atas sana sunyi.

**Tuan Pengerusi:** Makluk ghaib tidak tahu lah saya!

**Wan Zainab binti M.A. Bakar:** Tuan Pengerusi, lagi pun tidak dapat apa-apa kemudahan seperti kertas dan lain-lain. Saya harap pihak yang berkenaan dapat memberi galakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk bekerja di sana. Jadi, bila ramai orang turun-naik itu bolehlah kita sama-sama gunakan bilik yang disediakan itu.

Tuan Pengerusi, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah Jabatan Cetak Kerajaan kerana bekalan diary tahunan yang diberi kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat sungguh cantik. Saya harap kalaulah tidak keberatan untuk dituliskan nama tiap-tiap Ahli Yang Berhormat itu di kulit diary supaya orang lain tidak boleh mintanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang bila kita dapat diary itu ada orang minta tetapi kalau sudah ada namanya, susahlah kita hendak beri, kalau tidak ada itu kadang-kadang kita dapat diary setengah orang itu cuba minta pula. Bukannya banyak, Tuan Pengerusi, cuma 100 lebih ahli sahaja. Kata pepatah: Gajah boleh beli, rusa tidak boleh beli. Jadi, kalaulah diberi diary itu dengan nama sekali ditulis alangkah baiknya.

Tuan Pengerusi, saya rasa pihak yang berkenaan patutlah menimbang, kemungkinan mengadakan satu unit klinik di Parlimen di mana bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dapat rawatan tetapi kakitangan dan juga tetamu-tetamu daripada luar negeri dan dalam negeri, kadang-kadang tetamu-tetamu

kepada kita mungkin satu-satu masa ada kejadian sakit atau kemalangan. Baru-baru ini kalau tidak salah saya, pada tahun lalu Yang Berhormat dari Tanjung Karang dengan serta-merta jatuh sakit, jadi masa itu kita berkehendakkan rawatan. Kalau hendak dibawa ke hospital lambat. Kalau kita adakan unit klinik ataupun doktor; kalau tidak ada doktor pun Hospital Assistant, saya ingat dapat memberi pertolongan. Saya harap kalau bolehlah pihak Parlimen atau pihak yang berkuasa adakan unit klinik di masa Parlimen bersidang, bukanlah setiap masa cuma di waktu Parlimen bersidang sahaja.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya satu pusat teksi diadakan di Parlimen kerana kadangkala kita nampak banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen yang berjalan kaki. Saya terima kasih kepada pihak polis di bawah, mereka telah bersungguh-sungguh berhubung dengan teksi-teksi di pihak luar, tetapi kadang-kadang sampai setengah jam, kadang-kadang sampai satu jam tidak ada sebuah teksi dapat masuk di sini. Saya harap di masa Parlimen bersidang diadakan satu pusat teksi untuk menyenangkan Ahli-ahli Parlimen dari jauh, setengah itu datang dari Sarawak dan dari Sabah mungkin mereka tidak bawa kereta mereka bersama, jadi terpaksa mereka itu berjalan sampai keluar.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh Kepala P.8 berkenaan dengan Butiran (8). Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Kita tahu bukan sahaja di Negeri Kedah tetapi negeri-negeri sebagai yang kita katakan seperti Kelantan, Trengganu kalau kita bandingkan dengan Pulau Pinang sehingga jalan belakang pun ada tar. Kita tidak minta tar barangkali mahal, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pun boleh jadi tidak mampu hendak beri. Saya harap jalan-jalan luar bandar itu supaya dapat peruntukan yang lebih kepada negeri-negeri dan boleh diberi kepada tiap-tiap daerah. Sekarang ini kita tahu daerah Kuala Muda hanya dapat \$70,000 kalau tidak salah saya untuk bekalan

jalan-jalan luar bandar dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti membaiki surau, bukan sahaja surau tetapi juga daripada kaum-kaum lain seperti kuil atau tokong-tokong Cina, kadang-kadang berhala di Kuil itu seperti berlalai gajah, tangannya sudah patah, mereka berkehendakkan bantuan. Jadi kalaulah dapat diperbesarkan peruntukan kepada pembangunan luar bandar termasuklah jalan-jalan luar bandar, saya amatlah berterima kasih.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pemberian kepada bantuan-bantuan bagi peniaga-peniaga kecil di muka surat B.8, Butiran 19. Kita selalu dengar Jabatan Perdana Menteri ada menyediakan kemudahan-kemudahan begini, tetapi pihak-pihak peniaga kecil sangatlah sedih kerana untuk mengadakan modal terpaksa meminjam dari MARA. Kalau hendak pinjam dari MARA sahaja katanya sungguh senang tetapi kita nampak peniaga-peniaga kecil itu hendak mencari penjamin dua orang. Kalau hendak pinjam \$2,000 atau \$1,500 mesti diadakan penjamin. Inilah pada pendapat saya menyusahkan tetapi kalau ada peruntukan yang diberi dengan cara manakah boleh kita beritahu kepada peniaga-peniaga kecil supaya mereka boleh buat permohonan-permohonan. Di sini ada tertulis tetapi mereka semua tidak tahu bagaimana cara hendak buat permohonan.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi.

4.42 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, pertama saya sebut di sini ialah mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26hb Julai dan oleh Dewan Negara pada 8hb Ogos, Kerajaan masih belum lagi melantik Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam serta ahli-ahli Panel yang akan diamanahkan dengan tugas menyasat dan

menyelesaikan anomali-anomali yang berkenaan dengan saraan dan hak-hak dan syarat-syarat perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam berikutan dengan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mahathir. Parlimen dan rakyat terutama sekali Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam sektor awam berhak mengetahui sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan perlantikan Pengerusi dan ahli-ahli panel Tribunal tersebut.

Pada bulan Julai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beritahu di Parlimen bahawa masa itu lebih daripada 500 memorandum berkaitan dengan anomali-anomali yang timbul dari Laporan Mahathir telah diterima oleh Kerajaan dan beliau juga menduga lebih banyak lagi memorandum akan diterima kelak. Memandangkan kepada anomali-anomali atau kepincangan-kepincangan yang begitu banyak, perlantikan Tribunal Perkhidmatan Awam tidak boleh ditangguhkan lagi supaya anomali-anomali itu boleh dapat perhatian serta-merta dan semua perkara-perkara mengenai perkhidmatan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bolehlah diselesaikan.

Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam sektor awam berkehendakkan seorang Hakim Mahkamah Tinggi menjadi Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam dan adalah penting bahawa barang siapa yang dilantik menjadi Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam hendaklah seorang yang termasyhur (eminent), yang dihormati oleh semua pihak yang berkenaan oleh kerana sifat-sifat tidak memihak sesiapa, bebas dan berkebolehan. Mungkin akan menjadi sukar untuk mendapatkan seorang rakyat Malaysia yang mempunyai sifat-sifat tersebut yang hendak menyelesaikan anomali dan menghabiskan masa beberapa tahun untuk selesaikan anomali-anomali yang timbul oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet dan saya memerhatikan menurut Fasal 3(2) Akta Public Services Tribunal sebarang ahli Tribunal tersebut boleh dilantik sehingga tempoh 3 tahun; ini menunjukkan

satu masa yang panjang. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam memperuntukkan bahawa sebarang anomali hendaklah dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud rundingan dan sekiranya anomali tersebut tidak diselesaikan melalui rundingan, maka pertikaian berkenaan dengan anomali ini hendaklah dirujuk kepada Tribunal tersebut oleh mana-mana pihak kepada pertikaian tersebut. Sungguhpun Public Services Tribunal belum dilantik, tidaklah ada sebab-sebab mengapa PSD (Public Services Department) tidak boleh terus memulakan rundingan dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang telah merujuk-anomali-anomali kepada Public Services Department atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setahu saya ini belum lagi dilakukan malah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam nampaknya tidak mempedulikan atau ambil perhatian ke atas 500 lebih memoranda dan saya haraplah ini akan diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa supaya anomali-anomali yang telah dibentangkan kepada pihak Kerajaan boleh memulakan dirundingan sungguhpun Public Services Tribunal belum ditubuhkan.

Satu lagi perkara yang sangat berminat ialah saya hendak tahu berapa lamanya Jabatan Perkhidmatan Awam akan ambil untuk menyiapkan peringkat rundingan-rundingan ke atas 500 memoranda atau sekarang 600 atau 700; sebelum sampai ke satu peringkat di mana boleh dikatakan rundingan tidak boleh menyelesaikan pertikaian tersebut dan pertikaian itu dirujuk kepada Tribunal. Oleh kerana kalau terdapat ada 500, 600 atau 700 memoranda yang meliputi 1,000-2,000 anomali-anomali mungkin akan berlaku sesuatu keadaan di mana masa 3 tahun, 4 tahun akan diambil sebelum semua anomali-anomali tidak boleh habis dirunding, baru diserahkan kepada Public Services Tribunal dan masa beberapa tahun akan diambil sebelum Tribunal membuat keputusannya. Ini, saya rasa akan jadi lebih besar daripada lain anomali oleh kerana memakan masa yang begitu lewat,

panjang dan tentulah akan timbul satu keadaan di mana perasaan tidak puas hati di kalangan kakitangan-kakitangan Kerajaan akan timbul. Saya haraplah bahawa pihak Kerajaan akan ambil perhatian mengenai perkara ini.

Saya lihat di Budget ini di bawah Jabatan Perdana Menteri ada peruntukan-peruntukan untuk Suruhanjaya Gaji Diraja untuk tahun 1978, dimuka 49 sub-head 11. Saya membaca dalam Anggaran Belanjawan bahawa peruntukan-peruntukan dibuat untuk tahun hadapan untuk Suruhanjaya Diraja. Saya sedar diperuntukkan untuk tahun 1978 untuk Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim Ali bagi Gaji dan Upahan sebanyak \$532,000; untuk Sewaan \$115,000 dan lain-lain yang berjumlah lebihkurang \$700,000. Suruhanjaya Diraja mengenai Gaji di bawah Tan Sri Ibrahim Ali telah sebenarnya kemukakan dua laporan dan kedua-dua laporan ini telahpun ditolak dan digantikan oleh Laporan Mahathir. Apakah sekarang Tan Sri Ibrahim Ali mengetuai satu lagi Suruhanjaya Gaji ini, dan kalau bukan; siapakah yang mengetuai Suruhanjaya Gaji Diraja sekarang ini, dan apakah tugas-tugas Suruhanjaya ini? Yang kita tahu anomali-anomali yang timbul daripada Laporan Mahathir tidak akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Gaji Diraja, tetapi akan dikemukakan kepada PSD selepas itu kepada Public Services Tribunal. Dan soalnya sekarang ialah apakah sebabnya dan apa alasan untuk meneruskan mengadakan satu Suruhanjaya Diraja. Apabila Laporan Kabinet dibentang di Dewan ini kita dapat satu kesimpulan laporan itu ialah satu laporan untuk menggantikan semua laporan, baik laporan-laporan yang dibuat pada masa lampau dan masa hadapan, untuk selesai (settle) semua perkara gaji-gaji dan tuntutan-tuntutan mengenai kakitangan-kakitangan Kerajaan dan kalau begitu mengapa Suruhanjaya Diraja Gaji terus dibenarkan ujud dan \$700,000 akan dibelanjakan pada setiap tahun. Adakah kita dapat lebih banyak "White Elephant" (Gajah Putih) .....

**Tuan Pengerusi:** Di mana ada \$700,000?

**Tuan Lim Kit Siang:** Di muka 49 ada peruntukan untuk \$532,000 dan ada lain-lain sub-heads lagi, semua itu dicampurkan. Tuan Pengerusi, saya haraplah satu penjelasan boleh diberi mengenai perkara ini.

Sekarang saya menyentuh Pecahan-kepala B. 10 — Jabatan Kehakiman. Penimbunan kes-kes (backlog cases) di mahkamah-mahkamah tinggi dan juga di mahkamah-mahkamah rendah telah bertambah buruk dan bukan sebaliknya boleh dikurangkan dan kalau kita mengikut Anggaran Belanjawan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan, seperti kertas Perintah 38, pihak Perbendaharaan telah menganggarkan bahawa pada hujung tahun 1977 akan terdapat 396 kes-kes jenayah dan 323 kes-kes sivil di mahkamah tinggi di Semenanjung Malaysia yang terpaksa dibawa ke tahun hadapan. Tetapi pada tahun 1974 pula kes-kes backlog adalah dianggarkan meningkat sehingga terdapat 596 kes-kes jenayah dan 5,223 kes-kes sivil. Ini menunjukkan bahawa pada akhir tahun depan akan bertambah lebih banyak lagi kes-kes baikpun kes-kes jenayah atau sivil yang tidak dapat diselesaikan dan seterusnya terpaksa dibawa ke tahun hadapan. Ini menunjukkan satu rancangan untuk mengadakan kes-kes backlog, bukannya untuk mengurangkan timbunan kes-kes tetapi untuk menambahnya. Saya tidak tahu apa jenis planning yang diikuti oleh Kerajaan tetapi yang nyata ialah satu approach yang lain perlu diikuti.

Tahun lalu Parlimen telah meminda Perlembagaan Malaysia untuk membenarkan perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi ditambahkan kepada bilangan maksima dari 12 ke 15 orang. Sebab di antara lain penambahan ini dibuat ialah untuk mengurus dan menghabiskan kes-kes yang belum diselesaikan. Saya harap Kerajaan tidaklah boleh melengah-lengahkan masa melantik satu penal sepenuhnya sebanyak 15 orang Hakim di Semenanjung Malaysia untuk membereskan penimbunan kes-kes jenayah dan sivil dan jika

ini tidak dibuat maka ini bermakna apa yang selalu dikatakan bahawa "justice delayed is justice denied". Saya rasa masanya sudah sampai untuk melantik seorang wanita untuk menjadi seorang hakim Mahkamah Tinggi yang mana saya pasti akan terdapat calon-calon untuk memegang jawatan tersebut. Saya haraplah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mempertimbangkannya dan mencadangkan supaya seorang wanita dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi sebagai menghargai sumbangan peguam-peguam dan pegawai-pegawai undang-undang wanita di dalam sistem perundangan dan kehakiman.

Tuan Pengerusi, prinsip kebebasan kehakiman merupakan satu prinsip utama....

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak payah diucapkan di dalam Jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Prinsip atau policy of the service.

**Tuan Pengerusi:** Policy of the service hanya boleh disentuh di dalam masa perbahasan am.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengikut Standing Orders di Peringkat Jawatankuasa (Committee Stage) boleh, bukan lain-lain service, tetapi service satu-satu Kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Service mana? Yang Berhormat kata tadi fasal dasar atau prinsip kehakiman?

**Tuan Lim Kit Siang:** Prinsip kehakiman — (policy of the service) .....

**Tuan Pengerusi:** Mana ada dalam Peraturan Mesyuarat? Berhubung dengan hal ini ada di bawah Peraturan Mesyuarat 66. Cuba tunjukkan saya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ada buku Peraturan Mesyuarat di sini tetapi saya ada refer bahawa policy of service boleh disebutkan di dalam Committee Stage.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali saya lupa tetapi saya rasa tidak ada. Itu masa perbahasan am sahaja. Sabar dulu. Boleh duduk dulu, tengok. Biar Ahli Yang Berhormat puas hati dan saya pun puas hati.

Ahli Yang Berhormat, cuba buka Peraturan Mesyuarat 66 yang berhubung dengan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan.

“66(5) Hendaklah diuntukkan 16 hari lebih-lebihnya bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa”.

Perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar perkhidmatan dan hendak diperuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan itu dalam masa membincangkan dasar am. Tetapi dalam Jawatankuasa tidak ada dalam ingatan saya melainkan saya sudah lupa. Tetapi elok kalau boleh tunjukkan kepada saya.

Saya boleh baca, berhubung dengan perkara itu ialah di bawah Peraturan Mesyuarat 66(17).

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 66(12), Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itu yang saya bacakan tadi. Itu masa perbahasan am!

**Tuan Lim Kit Siang:** “..... debate shall be confined to the policy of the service.....”

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi itu masanya bila? Cuba baca sambungannya. Yang Berhormat baca Inggeris, saya baca Melayu — serupa!

Saya bacakan Inggerisnya:

66(12) “On the question, “That the sum of \$..... for head..... stand part of the schedule”, de-

bate shall be confined to the policy of the service for which the money is to be provided and shall not deal with the details of expenditure, .....

Ahli Yang Berhormat cakapkan itu berhubung dengan general debate. Tidak boleh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah, saya akan refer lain kali.

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh refer. Boleh jadi saya pun lupa. Tetapi pada ingatan saya, tidak boleh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebut mengenai.....

**Tuan Pengerusi:** Tentang kehakiman tadi. Tentang Yang Berhormat mencadangkan dilantik hakim wanita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang saya sentuh, Parlimen di bawah Kepala B. 1.

Tuan Pengerusi, sehingga merdeka tidak ada apa-apa review dibuat mengenai procedures di dalam Dewan Rakyat yang membolehkan Dewan Rakyat memainkan satu peranan sebagai Dewan Perundangan (Legislative) dan satu forum mengkritik yang lebih berkesan. Satu peranan yang mustahak ialah Parlimen merupakan satu forum mengkritik di mana semua cadangan-cadangan legislative Kerajaan dan lain-lain dasar-dasar dan tindakan Kerajaan boleh dibincang, dikaji dan ditegur. Tetapi untuk Parlimen berjalan lebih berefektif, sebagai forum ini, saya rasa dua keperluan mesti dipenuhi.

Satu, ialah adakan peluang di mana Ahli-ahli di Dewan ini boleh mengemukakan initiative atau urusan-urusan yang melibatkan kepentingan orang ramai.

Kedua, adakan teknik yang efektif untuk memeriksa atau scrutinise tindakan-tindakan

Kerajaan di mana Yang Berhormat Menteri-menteri memberi satu akaun dan kalau keperluan ini akan dipenuhi, mesti ada satu peluang di mana ahli-ahli boleh mendapat maklumat-maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan atau tindakan-tindakan Kerajaan. Saya rasa dalam amalan-amalan Dewan Rakyat ini telah berlaku beberapa amalan-amalan yang mengurangkan effectiveness atau kesan Parlimen ini untuk scrutinise tindakan-tindakan Kerajaan dan call to account Menteri-menteri mengenai tindakan mereka dan sebagai contoh telah selalu berlaku insiden-insiden di mana soalan-soalan dijawab oleh seorang Menteri yang sebenarnya bukan potfolionya. Sungguhpun beliau layak untuk membaca jawapan yang disediakan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan tetapi apabila terdapat pertanyaan-pertanyaan tambahan, mereka tidak boleh jawab dan kita tahu kenapa mereka tidak boleh jawab oleh kerana Menteri berkenaan bukan menjaga Kementerian berkenaan dan mereka terpaksa menjawab "soalan lain", "mahu minta notis", "dan akan dikaji". Saya rasa ini satu amalan yang tidak sihat dan menurunkan taraf Parlimen oleh kerana di Parlimen tidak boleh lebih berkesan mengenai latarbelakang, atau alasan-alasan di atas satu-satu tindakan yang diambil oleh Kerajaan. Ada selalu kita dapat Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri yang menjawab memainkan satu exercise untuk elak-elak sahaja dan tidak jawab dengan tepat. Ini saya rasa semua amalan-amalan yang tidak baik untuk dilanjutkan. Satu contohnya ialah dua hari dahulu apabila terdapat satu soalan berkenaan ijazah-ijazah MBBS di Universiti Malaya dan pengiktirafannya oleh General Medical Council, United Kingdom. Selepas banyak soalan-soalan dikemukakan terdapat satu pengakuan yang berkata bahawa tindakan positif akan diambil dan apabila ditanya apakah tindakan positif itu?

**Tuan Pengerusi:** Tidak usah panjang-panjang lagi!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mustahak dan itu satu contoh untuk menunjukkan bahawa kita

di sini mesti ada peluang untuk mendapat tahu sebab-sebab atau alasan-alasan ....

**Tuan Pengerusi:** Sudah cakap sudahlah, semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini faham tidak payah contoh lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya beri satu contoh, tetapi bukan satu perkara sahaja dan lain kali perkara semacam ini tidak berlaku.

**Tuan Pengerusi:** Contoh tidak perlu, saya faham, tadi apabila sebut saya teringat, tidak payah contoh lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap perkara semacam ini tidak akan berlaku lagi dan mahu kata akan terdapat positive action, apakah positive action itu?

Tuan Pengerusi, daripada masa saya menjadi Ahli Dewan ini pada tahun 1969, saya tidak ingat ada satu kali di mana usul untuk definite, urgent and of public importance dibenarkan dan mungkin perlu kita bincang procedure-procedure kita baikpun untuk buat pindaan di mana-mana perkara yang topical atau contemporary boleh dikemukakan dan dibincangkan oleh kerana tidak guna kalau Dewan ini hanya boleh membincangkan perkara-perkara bersejarah. Ini sudah jadi satu muzium, history Chamber dan kita tidak berpeluang membincangkan perkara-perkara yang sedang berlaku. Dalam perkara ini seperti soalan-soalan, peraturan-peraturan di mana soalan-soalan mesti disampaikan kepada Dewan ini atau Setiausaha Dewan dua minggu atau empat belas hari sebelum hari pertama mesyuarat. Saya rasa ini menghadkan peranan Parlimen dalam Mesyuarat Belanjawan ini kerana hari akhir bagi sidang sekarang ialah 23hb Disember tetapi tiap-tiap Ahli yang hendak mengemukakan pertanyaan pada 23hb Disember terpaksa disampaikan soalnya pada 6hb Oktober, iaitu 2½ bulan dahulu. Jadi, apakah Parlimen hanya dapat membincangkan perkara-perkara sejarah dan bukan perkara-perkara berkait dengan perkembangan-perkembangan semasa? Dengan

sebab itu saya rasa sudah sampailah masanya untuk, saya cadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua memanggil satu Speakers' Conference yang terdiri daripada ahli-ahli dari semua parti yang diwakili di Dewan ini untuk membincangkan bagaimana procedure-procedure Dewan ini boleh diperbaiki supaya satu Parliamentary Reform dapat dibuat. Di lain-lain negara selalunya terdapat Parliamentary Reform Committee, tetapi di negara kita reform-reform tidak dibuat sejak tahun 1957. Kita ikut peraturan House of Commons tetapi House of Commons sudah maju; banyak reformasi telah dibuat di House of Commons, tetapi kita tidak membuat apa-apa reformasi pun. Saya rasa .....

**Tuan Pengerusi:** Perkara ini Yang Berhormat boleh bawa dalam Jawatankuasa Standing Orders.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu menunjukkan betapa mustahaknya Parliamentary Reform, kalau saya tidak silap dan saya tidak menjadi anggota Jawatankuasa Standing Orders tetapi di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Standing Orders kalau saya tidak silap tidak ada mesyuarat yang diadakan untuk membuat reformasi-reformasi.

**Tuan Pengerusi:** Ada, sudah banyak kali pindaan dibuat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa pindaan-pindaan dibuat tetapi semua pindaan-pindaan ini merupakan pindaan-pindaan ke belakang; ini bukan menuju ke hadapan. Kita mahu liberalisekan bukan sekatan.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Ini di bawah pecahan-kepala mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pecahan-kepala B. 1.

**Tuan Pengerusi:** B.1 Kepala Bekalannya. Sekarang kita dalam Jawatankuasa. Ini yang saya hendak tahu, pecahan-kepala mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** B. 1 mengenai gaji dan elaun untuk semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen yang datang ke sini mesti memainkan peranan dan bukan bermain ber-peranan yang tidak berguna.

**Tuan Pengerusi:** Itu terlalu luas. Ianya boleh dibincangkan dalam dasar am pada tahun hadapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tepat. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, boleh ambil perhatian.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh kepala B.8 — Jabatan Perdana Menteri, Butiran 1100 ....

**Tuan Pengerusi:** Suruhanjaya Gaji juga, tadi sudah gaji. Ini gaji lagi sekali?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, di bawah butiran Gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita telah luluskan Rang Undang-undang Darurat (Kelantan) oleh Kerajaan Persekutuan .....

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan di bawah Butiran 1100.

**Tuan Lim Kit Siang:** Di bawah butiran Gaji. Saya percaya perkara gaji ini Perdana Menteri adalah bertanggungjawab ke atas Kerajaan Mageran, jadi tentu inilah tempat yang tepat untuk mengemukakan perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Apa ada kena-mengena dengan gajinya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Gaji Perdana Menteri tidak ada di sini.

**Tuan Pengerusi:** Saya tunjukkan kalau hendak bercakap di bawah Aktiviti (4).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya dapat di sini Aktiviti (4) — Keselamatan Negara dan saya

ada tandakan di sini iaitu gaji di bawah Jabatan Perdana Menteri oleh kerana di bawah National Security mungkin gaji Perdana Menteri tidak ada di bawah butiran itu.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi hendak bercakap di bawah Kepala berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pecahan-kepala dan Butiran-butiran.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil perhatian soal legitimacy Kerajaan Mageran di Kelantan oleh kerana itu Kerajaan Mageran di Kelantan tidak ada legitimacy sungguhpun kita sudah luluskan satu Rang Undang-undang di Dewan ini yang membolehkan di mana Kerajaan Pusat mengambilalih pemerintahan Kerajaan Negeri Kelantan. Saya rasa amat hairan dengan satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Yang Berhormat Datuk Mohd. Nasir akan dikekalkan sebagai Menteri Besar. Saya tidak mahu masuk bincang merit atau demerit Datuk Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan, tetapi pengumuman ini menunjukkan bahawa Kerajaan Mageran ditubuhkan bukan untuk memastikan amalan-amalan demokratik dijalankan, tetapi untuk memastikan seorang Menteri Besar yang telah hilang kepercayaan akibat Usul Tidak Percaya yang diluluskan terhadapnya dan terus dikekalkan sebagai Menteri Besar. Saya rasa ini akan melemahkan soal legitimacy Kerajaan Mageran di Kelantan dan saya harap perkara ini boleh diambil perhatian kerana jalan yang mudah untuk mengatasi soal legitimacy ialah untuk Kerajaan Mageran boleh mengadakan atau mengendalikan satu pilihanraya umum besar di Kelantan dan dengan sendirinya liquidate Kerajaan Mageran. Inilah cara yang boleh memberi legitimacy kepada Kerajaan Kelantan.

5.10 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat

49, B.8, Butiran 1100, Aktiviti (3) Penyelarasan dan Pelaksanaan, dan Aktiviti (12) Penyelidikan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang perancangan bandar baru bagi Telok Anson. Pada 1hb November, saya telah mengemukakan soalan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bilakah Telok Anson akan dimajukan sebagai sebuah pusat wilayah kecil (sub-regional centre) seperti disebut di perenggan 645 dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Tak Bertfolio ialah Kerajaan sedang meneliti perakuan-perakuan yang dibuat oleh suatu kumpulan pakar perunding berhubung dengan bandar Telok Anson. Pendekata perkara ini masih dalam pertimbangan. Saya berasa amat keciwa dengan jawapan itu kerana jawapan yang serupa itu telah diberi dalam tahun 1965 dahulu. Mengikut Penyata Rasmi Parlimen di muka surat 189 adalah dirakamkan bahawa pada 26hb Mei, 1965, Dr. Tan Chee Khoo telah bertanya soalan yang sama dan jawapan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali Jawi pada masa itu ialah, saya petik dalam Bahasa Inggeris, dengan izin:

“The question of resettling the affected people in Telok Anson is the responsibility of the Perak State Government which is looking into the problem.”

Sebenarnya mengikut Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 16hb Ogos, 1963 di ruangan 1096, Tuan Too Joon Hing pun telah bercakap tentang tajuk yang sama tetapi malangnya beliau tidak dapat apa-apa jawapan daripada pihak Kerajaan. Segala ini menunjukkan bahawa selama lebih daripada 14 tahun beberapa Wakil Rakyat telah mengemukakan kehendak atau the crying need penduduk-penduduk Telok Anson untuk mendapat satu bandar baru memandangkan masalah hakisan di Telok Anson adalah begitu buruk. Sungguhpun begitu pada bulan November, 1977 jawapan daripada Kerajaan ialah perkara ini masih dalam pertimbangan.

Tuan Pengerusi, saya amat sedih dan keciwa atas jawapan ini kerana sambil rakyat menunggu keputusan Kerajaan, bandar yang ada sekarang menjadi semakin kecil setiap hari. Dalam tanah air kita tidak ada bandar yang lain yang menghadapi masalah seperti yang dihadapi di Telok Anson. Saya hanya ingin menyebut secara ringkas bahawa Telok Anson ialah Bandar Diraja dan tidak patut dibiarkan atau diabaikan begitu sahaja. Oleh yang demikian saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan supaya pertimbangan keutamaan dan khas akan diberi untuk memajukan bandar baru Telok Anson.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Tempatan Telok Anson telah menandakan satu kawasan luasnya lebih kurang 900 ekar sebagai kawasan bandar baru dan saya merayu kepada Bahagian Penyelarasan dalam Jabatan Perdana Menteri membantu Kerajaan Tempatan itu supaya perancangan bandar baru telok Anson dapat dijayakan.

Tuan Pengerusi, dalam jawapan pada 1hb November, Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio ada juga menyentuh ke satu pembangunan iaitu lebihkurang \$60 juta untuk membina bandar baru. Saya tidak tahu bagaimana kos itu ditentukan mengikut nilai tanah di Kuala Lumpur atau di mana. Oleh yang demikian, saya ingin memberitahu kos tanah di Telok Anson untuk pertimbangan beliau. Pada tahun 1972 Kementerian Kesihatan telah memberi tanah luasnya 65 ekar dengan harga \$8,000 seekar. Katakan harga tanah telah naik seratus peratus, tanah yang berkembar dengan tapak rumah sakit baru itu boleh dibeli dengan harga \$16,000 seekar. Jika 1,000 ekar tanah dibeli dan dimajukan sebagai bandar baru, nilai tanah itu akan menjadi \$16 juta sahaja dan bukan \$60 juta. Pembangunan bandar adalah satu rancangan yang akan mendapat keuntungan bila tapak-tapak rumah itu dijual. Saya tidak pernah mendengar pembangunan bandar akan menghadapi kerugian. Saya harap Kerajaan Pusat akan digalakkan dengan anggaran rendah ini dan akan mengambil langkah-langkah positif

untuk membangunkan bandar baru Telok Anson.

Akhirnya, saya ingin menyentuh muka surat 31, Butiran 3300 — Perabut dan Kelengkapan Penyelenggaraan. Saya ingin menarik perhatian pihak berkuasa bahawa mesin photostat yang ada sekarang di Parlimen ialah sudah lama, tua atau outdated. Mesin photostat adalah satu alat yang sangat penting dan perlu yang bukan digunakan oleh pentadbiran Parlimen sahaja tetapi digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen juga. Oleh yang demikian, saya minta pihak yang berkuasa mengambil tindakan supaya mesin lama itu digantikan dengan sebuah mesin baru dan automatik. Saya mencadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk menggunakan mesin itu bahkan mereka diminta membayar kos kertas yang digunakan.

5.20 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, muka surat 33. Kepala B.3, Butiran 1100, Juruodit Negara. Tuan Pengerusi, segala perbelanjaan kita hendaklah diodit atau dikira dengan baik kalau tidak tentulah segala perbelanjaan akan jadi membazir ataupun disalahgunakan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak Jabatan Juruodit Negara ini menggunakan juruoditnya dengan lebih lagi dan saya berharap sangat tiap-tiap juruodit di Jabatan Kerajaan selain daripada mencari kesalahan hendaklah juga mereka ini menggunakan budibicara dengan baik. Berti pada pendapat saya sekiranya satu-satu kesalahan itu dibuat dengan tidak sengaja maka tak patutlah juruodit tadi mengambil apa-apa langkah melainkan pada pendapat saya patutlah dinasihatkan dahulu atau diberi kemaafan. Saya juga berharap Juruodit Negara tidaklah semata-mata ditumpukan kepada hakmilik Kerajaan tetapi kepada Badan-badan Berkanun juga patut diambil berat. Kerana kita dapat tahu setengah daripada badan berkanun bukan sahaja wang itu hak mereka semata-mata tetapi dibiayai oleh

wang Kerajaan juga. Dengan sebab itu patutlah diambil berat oleh pihak Juruodit Negara iaitu oleh Kerajaan sendiri.

Saya dapat tahu ada setengah tempat penilaian tanah di atas odit yang berkenaan amatlah murah tetapi apabila diodit oleh satu pihak yang lain harga tanah tersebut amatlah mahal, tak payahlah saya sebutkan tempat yang berkenaan. Pada pendapat saya sekali lagi saya tegaskan selain daripada perbelanjaan kira-kira yang muktamad dan betul amatlah perlu. Maka dengan sebab itu saya mencadangkan selain daripada mengawasi sebagaimana saya katakan tadi, menambahkan kakitangan kepada Jabatan Juruodit Negara ini amatlah perlu termasuk juga negeri saya sendiri di Perlis.

Kepala B.4 muka surat 36, Butiran 1100, Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih. Tuan Pengerusi, boleh dikatakan tiap-tiap tahun dalam pendaftaran pilihanraya ini amatlah banyak warganegara Malaysia ataupun rakyat Malaysia yang boleh mengundi yang berhak mengundi kerana cukup umur tak dapat mendaftar disebabkan berbagai-bagai perkara. Satu, saya berpendapat kerana tempat ataupun cara yang dibuat oleh Pesuruhjaya Pilihanraya ini tidak begitu sesuai apatah lagi di kawasan-kawasan luar bandar. Satu daripadanya tempat mengadakan pengundi. Ada setengah-setengah tempat diadakan satu tempat yang cukup istimewa, saya contohkan seperti Rest House di Perlis. Kebanyakan penduduk di luar bandar ataupun penduduk kampung walaupun dalam bandar boleh di bilang manusia atau orang-orang yang suka ke tempat Rest House yang saya sebutkan tadi. Dengan adanya tempat yang demikian tidaklah begitu sesuai bagi penduduk-penduduk yang hendak mendaftar apatah lagi yang berumur baru cukup 21 tahun ke atas yang tidak ada kerja istimewa sudah tetap Rest House itu bukan tempat dia suka pergi. Rest House kita semua tahu, saya bukan kata tempat yang tidak baik, tetapi bagi satu tempat orang-orang yang ada pendapatan khas kerana

makan pun istimewa, segala-galanya bagus. Bagi penduduk kampung sebut sahaja Rest House, dia segan hendak ke situ. Maka dengan sebab itu saya mencadangkan tak payahlah diadakan satu tempat yang khas, Pendaftar Pengundi tadi boleh berjalan dari satu tempat dengan cara masa yang berpanjangan. Tetapi setakat hari ini setahu saya masa pendaftaran ialah pukul 4.00 sampai 6.00 petang, ditunggu satu-satu tempat yang tertentu. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya tempat yang tertentu ini tak payah diadakan, saya harap pihak Penolong Pendaftar tadi berjalan ke tempat-tempat yang agak dia tahu dan saya mencadangkan supaya Penolong Pendaftar Pengundi ini diambil daripada anak tempatan yang tahu hal berkenaan.

Sebagaimana yang saya cadangkan di masa yang lepas iaitu ketua kawasan boleh dikatakan diambil oleh Pesuruhjaya Pilihanraya tetapi tidak meliputi atau tidak cukup. Saya mencadangkan tiap-tiap Ketua Kawasan ataupun Ketua Kampung dilantik khas sebagai Penolong Pendaftar pengundi dan masanya pula ditambahkan, jangan seperti masa yang lepas berjalan kalau tak silap saya selama 40 hari ataupun 45 hari, saya pun telah lupa masa itu, ditambah sedikit. Syukurilah kita kepada Tuhan kerana tiap-tiap pengundi tadi, tiap-tiap calon atau tiap-tiap parti yang akan bertanding pilihanraya maka parti-parti yang berkenaanlah mengambil berat dengan sungguh-sungguh. Kalau tidak saya yakin banyak pengundi-pengundi yang boleh mengundi tak dapat mengundi ataupun tak mendaftar. Dengan sebab itu, saya berharaplah juga dengan adanya Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang baru akan menjalankan cara baru yang saya berharap semua rakyat Malaysia yang dapat mengundi yang cukup umurnya dapat mendaftar dan dapat mengundi dengan cara perubahan yang agak sesuai yang dibuat oleh Pesuruhjaya Pilihanraya yang baru.

Tuan Pengerusi, Kepala B.5 muka surat 40, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Butiran

1100, Aktiviti (2) Pengambilan. Saya amat dukacita bila dipanggil temuduga, saya dapat tahu dalam beberapa pejabat yang berkenaan termasuk EPF dan negeri saya sendiri, yang saya tak payah sebut nama pejabatnya, orang-orang yang berjaya dalam temuduga yang berkenaan tak dapat, tiba-tiba yang tak dipanggil temuduga diambil bekerja. Ini biasa berlaku di dua tempat. Kononnya, satu alasan kerana pekerja-pekerja ataupun yang meminta tadi tak membuat jawapan. Bagaimana hamba Allah hendak membuat jawapan kerana surat yang dihantarpun salah alamat. Maklumlah setengah daripada orang yang baru bekerja, yang baru hendak minta kerja alamatnya pun tak tepat. Dengan tak buat surat register, dengan tak ada tandatangan kononnya pihak yang berkenaan tak terima kerana surat yang tak dihantar pada tarikh yang berkenaan. Ini berlaku. Saya harap perkara yang tersebut patut diawasi oleh Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam.

Kedua, dari segi kenaikan pangkat dan tatatertib. Saya harap dari segi naik pangkat selain daripada kebolehan dari segi tatatertib, dari segi keugamaan, dari segi sosial, cara masyarakat kampung patutlah diberitahu kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, kerana kita tahu kita akan bekerja dengan masyarakat umum. Walaupun kita dapat buat dengan cara kita tetapi kalau tidak ada diplomasi sedikit-sebanyak apatah lagi cara suasana masyarakat khususnya di kampung-kampung ataupun di luar-luar bandar maka perkara ini saya yakin tidak mendapat kejayaan yang memuaskan. Dengan sebab itu saya berharaplah selain daripada apa yang saya katakan tadi mengawasi betul-betul tentang mengambil pekerja dan yang kedua tentang naik pangkat juga saya berharaplah patut dititikberatkan tentang tatatertib yang saya sebutkan di sini. Saya dapat tahu biasanya ada setengah pegawai-pegawai ini bukanlah kesemua, kalau kelapa setandan saya tak kata semuanya berlubang, tetapi tak eloklah kalau sebiji yang berlubang ada kelapa yang tak elok. Jadi elok sangatlah dari segi tatatertib ini dititikberatkan terutama dari segi kemasya-

rakatan di kampung. Biasanya saya dapati kalau setengah-setengah pegawai ada orang berjumpa dia dengan tak sopan, angkat kaki. Ini saya tegaskan bukan kesemua ada seorang dua. Saya tak mahulah kata orang kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Kepala B.7 muka surat 44, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini juga saya berasa sangat dukacita, pertama tentang pengambilan. Kadang-kadang ada setengah guru ditafsirkan naik berbagai-bagai pangkat, tetapi surat pengesahannya tak dapat diberitahu. Biasanya ada setengah guru besar, dia yakin guru yang berkenaan telah lulus tetapi tak dapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Perkhidmatan Pelajaran. Adakah guru ini dapat gaji sekian banyak, naik gaji, hendak bayar gaji lebih takut dia tak lulus, tetapi yakin. Dengar berita mengatakan dia lulus tetapi bila hendak dicari dan diperiksa failnya pun hilang. Ini biasa berlaku. Yang anihnya sekali, biasanya ada setengah guru-guru yang hendak berhenti kerja atau hendak pencen, hendak tahu tarikh dia mula kerja terpaksa dicari. Misalnya seorang guru dari Perlis bekas pelajar di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim hendak dapat tahu tarikh dia bekerja terpaksa cari guru di Melaka. Kalau tidak silap saya seorang Yang Berhormat Senator dari Melaka Guru itu mencari guru yang sama dengan dia hendak tahu bila guru ini mula bekerja dan mula masuk Maktab Perguruan di Tanjong Malim. Kononnya failnya hilang. Bagi mengatasi perkara-perkara seperti ini saya harap dapat ditambahkan pegawai-pegawai kalau tidak cukup supaya fail itu hilang, hamba Allah itu patut mengikut tarikh dapat pencen tidak dapat, patut dapat banyak tidak dapat kerana failnya hilang. Ini saya berharap sangat kepada Pesuruhjaya Pelajaran mengambil berat tentang hal ini.

Begitu juga, Tuan Pengerusi tentang naik pangkat terutama Guru Besar. Saya tidak tahu dasar mana yang dipakai mengenai perkara naik pangkat sehingga menjadi

kelam-kabut. Kalau hendak kata di segi kebolehan, setengah yang tidak begitu pandai-pun naik pangkat. Kalau hendak kata di segi lama, yang baharupun naik pangkat. Jadi tidak tepat yang mana satu didasarkan kepada kenaikan pangkat kerana naik pangkat, Tuan Pengerusi, walaupun naik pangkat seperti Guru Besar lain daripada Guru Besar di masa yang silam. Di masa yang silam nama sahaja Guru Besar, A, B, C dan D, barangkali A, B, C tidak, nama sahaja Guru Besar. Tetapi kalau naik sahaja pangkat Guru Besar misalnya A gajinya besar, B pun besar, C kurang sedikit, tetapi taraf Guru Besar tidak semacam yang dahulu. Kalau kata Guru Besar kadang-kadang boleh jadi Guru Besar dia sama ataupun ada yang gajinya bawah dari guru yang mengajar sama dengan dia. Tetapi hari ini sudah lain. Jadi sebab itu kadang-kadang desas-desus daripada ini banyak yang tidak puas hati. Kita berharap supaya sikap yang tegas patutlah diambil dengan berat.

Kedua, di segi penyelewengan guru-guru ini. Saya berharap Suruhanjaya juga sedia mengambil berat dari segi tata tertib dan disebutkan guru-guru ini menyeleweng, menjalankan tugas tidak betul. Tetapi saya walaupun bukan guru saya hargai jasa guru kerana mereka inilah sebagai pendidik yang mendidik semua manusia sehingga dapat Ph.D. Ada daripada guru yang menyeleweng. Kita tidak menafikan. Dengan sebab itu kita tidak mahulah kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Kerana seorang, dua guru yang menyeleweng, membuat tidak betul, guru-guru yang baikpun tumpang rosak. Dengan sebab itu, saya harap kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini kepada guru-guru yang tidak menjalankan tugas dengan baik, sekali lagi saya tegaskan, kerana nila setitik, guru yang baik itu dirosakkan oleh seorang, dua guru.

Tuan Pengerusi, masuk saya kepada B.8 Jabatan Perdana Menteri muka surat 49 pecahan 1100. Aktiviti (2) Perancang Ekonomi. Perancang Ekonomi ini yang merancang orang lain yang menjalankan orang lain.

Tetapi kadang-kadang yang saya rasa dukacita Tuan Pengerusi, Menteri kita kata tempat ini kita hendak buat begini, pihak Perancang Ekonomi kata tidak boleh. Kita kata boleh pergi kampung tempat ini patut diberi dan patut diluluskan tetapi pihak Perancang Ekonomi pula kata tidak boleh. Jadi, saya harap sangatlah pihak Perancang Ekonomi dengan pihak pembuat dasar dengan Menteri dan dengan Wakil Rakyat termasuk Timbalan Menteri dan sebagainya hendaklah disesuaikan. Jangan kadang-kadang Menteri yang membuat keputusan yang umumkan keputusan bila hendak melaksanakan, pihak Perancang Ekonomi kata tidak patut dan sebagainya. Saya tidak nafikan pihak Perancang Ekonomi ini kebanyakan mempunyai kebolehan tetapi walau macamanapun kita tidak boleh nafi pengalaman seperti kata pepatah: alah bisa tegal biasa. Ada benda yang kita tahu pihak berkenaan tidak tahu dan tidak sama dengan pihak kampung atau dengan pihak rakyat. Dengan sebab itu, saya berharap sangat pihak Perancang Ekonomi iaitu satu-satu yang dibuat oleh pihak Kementerian dan sebagainya hendaklah diikuti kalau boleh kerana Menteri ini telah dilantik oleh parti yang menang dan Wakil Rakyat ini pula dilantik oleh rakyat dan Menteri-menterinya yang terpilih oleh rakyat tadi dilantik bukanlah mereka ini sahaja naik. Dengan sebab itu segala apa yang dibuat keputusan oleh Menteri-menteri tadi saya berharap sangat pihak Perancang Ekonomi mengikut keputusan berkenaan.

B.8, Tuan Pengerusi, dalam segi Pentadbiran Ugama Islam. Saya berharap kalau boleh biarlah dari segi ugama kita cuba selaraskan sedikit. Saya yakin kerana ugama ini kita tidak lari dari kepercayaan kepada Allah dan kepercayaan kepada Rasul, buat lain daripada itu kita terbaliklah, walaupun orang muda atau tua, tetapi kalau kelam-kabut sangat, Tuan Pengerusi, tidak baik. Dengan sebab itu, saya harap di segi dakwah atau segi apa pun patutlah kita menyelaraskan terutama apa-apa yang ditunjuk dalam T.V. dan sebagainya. Saya bukan hendak mengatakan semua itu tidak baik kadang-kadang cara

mendirikan sembahyang itu patutlah disamakan. Kalau saya kata begini boleh jadi. Tuan Pengerusi sendiri ataupun orang tuduh saya ini daripada Perlis hendak buat cara yang baharu, tetapi biarlah benda ini kita cari satu jalan ataupun penyelarasan yang baik, kerana dakwah itu setengah mendokong begini dan ada setengah mendokong begini. Ada yang setengah kita tengok pelek, saya tidak hendak sebutkan dari segi ugama ini. Saya harapkan kalau boleh diselaraskan perkara ini.

Tuan Pengerusi, bercakap saya dalam B.8 juga. Kalau tidak silap saya — Urusetia Rukun Tetangga. Rukun Tetangga ini, saya amatlah menyokong, Kerajaan buat ini baik, tetapi biarlah peraturan ini dijalankan dengan betul. Saya dapat tahu hari ini ada setengah daripada tempat Rukun Tetangga yang boleh diupah. Kerana Rukun Tetangga itu saya dapat tahu aturannya setiap ahli Rukun Tetangga tidak pilih siapa, siapa sahaja yang kena jadi ahli Rukun Tetangga dia hendaklah menggilir jaga pada tiap-tiap yang ditentukan, kecuali kalau keadaan yang tidak dapat dielakkan. Jadi, kalau dia boleh upah kerana dia wang banyak dan sebagainya maka ini keluarlah daripada garisan Rukun Tetangga. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya Rukun Tetangga diawasi betul-betul dan diadakan kepada tempat-tempat yang tidak ada lagi kerana saya yakin dengan adanya Rukun Tetangga dan dijalankan dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan ini membawakan keselamatan, membawa perpaduan kepada kampung dengan syarat menjalankan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Bercakap saya dalam B.8, Tuan Pengerusi, kalau tidak silap dalam perkara 14 Tabung Haji. Tabung Haji ini, Tuan Pengerusi, saya harap janganlah cari untung semata-mata, kenalah fikir hal kebaikan rakyat. Saya tidak tahu hendak kata, rakyat di Utara Malaysia banyak yang hendak ke Mekah, maka patutlah kapal-kapal haji itu diadakan di Butterworth. Ini diadakan di Bayan Lepas itupun sekadar sekali sekala. Kerap kali berada di

Bayan Lepas kemudian dia naik pula di Lapanganterbang Subang, seolah-olah di tempat lain itu tiada. Saya pernah tengok, Tuan Pengerusi, kapalterbang yang biasa mendarat di Butterworth itu saya tidak tahu kapalterbang apa....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, mana dia perkara 14 ini?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ada saya tengok tadi, Tuan Pengerusi. Kalau silap saya tarik balik. Tadi, saya ada tengok 14 — Tabung Haji.

**Tuan Pengerusi:** Aktivitinya cuma sampai 13.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tadi saya tengok ada, kalau tersilap, benda itu tidak payah cakap, tetapi saya ada tengok.

**Tuan Pengerusi:** Tengok lagi lah.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ada, Tuan Pengerusi, ia dalam muka surat 57, Perkara 14 — Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Ini kalau tidak silap, kalau silap saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, Pecahan-kepala 4, 100. Sila teruskan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, Tabung Haji. Saya harap jangan semata-mata hendak cari untung, berilah kemudahan kepada orang-orang yang hendak mengambil haji kerana sudah jadi adat kepada manusia, khususnya orang Melayu rai-merai, sopan santun adalah amalan orang Melayu yang berugama Islam.

Pendekata, kalau seorang dalam keluarga itu hendak pergi ke Mekah, sekurang-kurangnya keluarganya menghantarkannya ke Pulau Pinang, terpaksa bermalam dan esoknya mereka beramai-ramai ke Pelabuhan Pulau Pinang. Saya berharap biarlah diberi kemudahan, kalau boleh macam saya kata tadi dihimpunkan sekali satu jadual waktu bagi

bakal-bakal haji utara Malaysia, iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dan adakan kapal-terbang yang tak payah lagi singgah di Pulau Pinang. Sekarang ini peraturan yang dibuat bukan sahaja setakat singgah di Pulau Pinang, selepas naik di Bayan Lepas singgah ke Kuala Lumpur, dua kali persinggahan baru sampai ke Mekah. Jadi, saya berharap kalau boleh pihak LUTH mengambil daya usaha yang begini.

Kedua, saya yakin wang LUTH ini amat banyak, bukan semata-mata untuk tujuan pergi ke Mekah, dari segi lain adalah mendatangkan keuntungan juga, tetapi malangnya LUTH tidak memberi penerangan lengkap. Saya biasa dengar penerangan LUTH seolah-olah hendak menggalakkan simpanan tiap-tiap bulan, tetapi mereka tidak sanggup, maklumlah kebanyakan kita bila diberi perangsang naik semangat. Saya berharap pihak LUTH patut menambah lagi pegawai penerangan dan bekerja dengan bersungguh-sungguh dan kalau boleh orang yang tak ada pekerjaan diberi peluang bekerja di LUTH. Tetapi janganlah LUTH jadi tempat setiap yang tak ada kerja pergi ke Pejabat LUTH, tak ada tempat dalam politik bagi tokoh politik maka dimasukkan dalam LUTH. Seolah-olah LUTH jadi tempat orang hendak cari makan. Hilanglah tujuannya yang sebenar. Saya berharap pegawai-pegawai itu ditambah dengan banyak dan carilah orang-orang yang betul-betul berminat untuk menerangkan berkenaan tujuan-tujuan LUTH.

Mengenai P.8 di muka surat 59, Butiran 9 — Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Di masa-masa lepas Kerajaan telah mengadakan banyak balairaya di seluruh negara tetapi hari ini rancangan itu boleh dikatakan dikurangkan ataupun tak diberi langsung. Pada pendapat saya rancangan ini baik kerana dengan adanya balairaya jadi tempat orang kampung berhimpun walaupun saya tak menafikan ada satu-dua dewan orang ramai itu sudah lama diduduki oleh kambing ataupun jadi tempat orang taruh padi, tetapi adakah oleh sebab nila setitik, rosak susu se-

belanga? Dengan sebab itu, saya harap rancangan ini dijalankan balik dan dengan dicarikan tempat yang bersesuaian yang diminati oleh Wakil Rakyat dibuatkan dua tingkat yang berharga lebihkurang \$10,000. Tingkat atas dijadikan tempat sembahyang atau madrasah, bawah dijadikan tempat mesyuarat. Tempat itu di Perlis bukan sahaja dijadikan tempat mesyuarat atau madrasah, malah ada dua tempat dijadikan masjid terus oleh orang ramai. Jadi saya berharaplah mengenai rancangan tersebut pihak Jabatan Perdana Menteri menjalankan semula, jangan perkara ini disekat kerana banyak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat khususnya kepada penduduk luar bandar.

mengenai P.8, muka surat 59, Butiran 28 — Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan Luar Bandar. Saya sokong cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya diberi lebih banyak lagi peruntukan kerana dengan adanya jalan, lebih banyak Kerajaan mendapat untung bukan rakyat sahaja yang untung. Dengan adanya jalanraya, orang ramai suka beli motosikal dan Kerajaan dapat hasil, dan membeli minyak juga Kerajaan dapat hasil. Jadi, pendekata Kerajaan pun untung, rakyat pun untung. Jadi buatlah sebanyak-banyak jalanraya.

Ketiga, jalan itu buatlah jalan tar. Jangan dibuat jalan tanah merah kerana tanah merah di musim hujan tanah lecah dan di musim panas berdebu. Pendekata musik apapun tak sesuai. Untuk mengikut peredaran masa semua jalan walaupun termasuk jalan luar bandar, seboleh-bolehnya diadakan rancangan jalanraya dengan bubuh tar, jangan bubuh tanah merah lagi dan patut dibuat kawalan. Kalaulah satu tempat itu tak sesuai dilalui oleh kenderaan 5 tan, bolehlah foundation itu dibuat kuat sedikit, tetapi setiap jalanraya itu biarlah dibubuh tar syaratnya macam saya katakan tadi jangan dibenarkan kenderaan yang berlebihan berat muatannya. Saya yakin tentulah jalanraya itu boleh dikawal, tetapi kalau jalan itu foundation tak kuat, dibenarkan lori 5 tan masuk akan rosak

jalan itu. Saya berharap walaupun jalan kampung adakan tar supaya senang, jangan di masa hujan lecah dan di musim panas berdebu dan sebagainya.

5.45 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh B.1. Tuan Pengerusi, sudah 3½ tahun saya menjadi Wakil Rakyat, masih saya lihat kantin di dalam Parlimen yang ada sekarang ini sangat tidak memuaskan kerusi dan meja yang ada di dalam kantin itu adalah seperti kerusi warung yang ada di Benteng, Kuala Lumpur. Alangkah sedihnya bila melihat setengah-setengah dari VIP, Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen ramai duduk makan dan minum bersama-sama dengan kakitangan Parlimen, pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain dengan riang sambil menikmati makanan dan minuman. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa kantin-kantin Parlimen di luar negeri di mana didapati standardnya jauh berbeza dengan yang didapati di negara kita ini.

Saya suka hendak mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya menggantikan kerusi dan meja yang ada sekarang dengan yang baru, kalau boleh pasanglah air-condition di kantin kita itu. Keadaan sekarang betul-betul menjatuhkan imej negara kita sekiranya orang-orang kenamaan (V.I.P.) dari luar negeri datang melihat ke kantin Parlimen kita ini. Kalau boleh pekerja-pekerja yang ada di dalamnya hendaklah memakai pakaian seragam yang bersih serta bersongkok untuk mencerminkan identity kita. Kalau dilihat bangunan Parlimen yang tersergam indah dari luar ataupun di dalam majallah wayang gambar memang menarik, tetapi bila masuk ke dalamnya macam-macam perkara yang menjolok mata dan yang tidak memuaskan hati.

Selanjutnya patut diadakan projektor wayang gambar di Banquet Hall kerana se-

masa sidang Parlimen yang panjang seperti sidang Belanjawan sekarang ini Ahli-ahli Parlimen dapatlah menonton wayang gambar yang baik sambil berihat selepas bersidang dan tidaklah membuang masa di tempat-tempat hiburan yang lain. Adalah lebih baik jika kantin dan wayang gambar pun ada. Ini akan menambahkan lagi kepada pendapatan kantin Parlimen ini.

5.38 ptg.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi teguran atas perbelanjaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan pentadbiran pejabat tanah, tetapi oleh kerana ini suatu kenyataan terlalu umum, saya tidak dapat memberi jawapan yang tertentu.

Berkaitan dengan cadangan beliau supaya kolam-kolam lombong ditimbus dan digunakan untuk rancangan-rancangan lain seperti rancangan perumahan, Kerajaan memang telah membuat suatu kajian tentang menimbus kolam-kolam tersebut, tetapi patut juga saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa menimbus kolam-kolam bekas lombong barangkali akan mendatangkan akibat juga oleh kerana kolam-kolam itu sekarang ini merupakan tempat penakungan air.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang penempatan semula untuk mereka yang tidak mempunyai tanah dan rumah. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ini bukan satu masalah yang boleh diatasi dengan segera tetapi perkara ini sentiasa di dalam pertimbangan Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan umpamanya, UDA, dan Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan telah mengambil berat atas masalah ini. Beliau juga telah menyentuh tentang Biro Pengaduan Awam.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa peruntukan bagi Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am dan Biro Pengaduan Awam ada juga bertambah pegawai-pegawai dan pekerja-pekerjanya. Walaupun dalam Estimates untuk tahun 1978 tidak menunjukkan bahawa bertambah banyak pegawai-pegawai untuk Biro Pengaduan Awam tetapi Biro itu sedang uruskan perkara ini dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan apabila dapat jawatan yang baharu jawatan itu boleh dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan Tambahan — (Supplementary Estimates). Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyokong kerja-kerja Biro Pengaduan Awam itu oleh kerana saya sendiri dan Kerajaan mengambil berat tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh Biro ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah meminta penjelasan iaitu permohonan dari beberapa orang kerani perkhidmatan awam kerana lambatnya dapat keputusan kenaikan pangkat mereka. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada terdapat lebih daripada 500 permohonan yang diterima untuk kenaikan pangkat itu tetapi malangnya ada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan tidak menyampaikan laporan-laporan sulit yang dikehendaki supaya calon-calon itu boleh ditimbang dengan sempurna. Baharu ini sahaja dapat satu keputusan muktamat diambil dan kelambatan ini tidak sengaja dibuat tetapi sukacita yang menyatakan di sini keputusan muktamat urusan naik pangkat sudah dikeluarkan pada 15hb November tahun ini.

Berkaitan dengan peruntukan untuk penjaja-penjaja kecil yang telah dibangkitkan bukan sahaja oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar akan tetapi juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya patut menerangkan di sini bahawa sekim ini ialah untuk penjaja-penjaja kecil yang boleh dianggap sebagai benar-benar kecil dan peruntukan ini kalau diberi kepada semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan supaya

Pegawai-pegawai Daerah dan Kuasa-kuasa Tempatan yang berkenaan boleh menggunakan peruntukan ini untuk membuat ataupun membina infrastruktur untuk penjaja-penjaja kecil. Saya patut jelaskan di sini bahawa peruntukan ini tidak diberi kepada penjaja-penjaja kecil sebagai wang tunai, oleh kerana Kerajaan dapati bahawa elok peruntukan ini digunakan supaya kemudahan-kemudahan berniaga seperti kereta sorong jenis basikal ataupun perkakas-perkakas kandar boleh dibeli. Dan terpulanglah kepada Pegawai-pegawai Daerah ataupun Kuasa-kuasa Tempatan yang berkenaan supaya menerima permohonan-permohonan dari pihak-pihak yang berminat untuk mengadakan infrastruktur itu dan terpulanglah kepada Pegawai-pegawai yang berkenaan untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan-permohonan tersebut. Oleh kerana ini satu peruntukan yang baharu sahaja, Kerajaan akan mengkaji perlaksanaannya dengan teliti dan kalau perlu bolehlah menimbangkan supaya peruntukan ini ditambah jika nampaknya ada berkesan.

Berkaitan dengan peruntukan untuk penempatan semula mangsa-mangsa banjir; peruntukan ini adalah untuk memindahkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan khasnya di kawasan-kawasan luar bandar yang terlibat dalam banjir dan pada fikiran Jabatan Perdana Menteri sekarang ini peruntukan ini mencukupi untuk tujuan tersebut.

Tentang sistem pentadbiran yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi, suka saya mengulangkan sekali lagi bahawa Kerajaan memang sedar bahawa ada satu golongan kecil pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang barangkali tidak ada kecekapan ataupun ada mempunyai satu sikap yang positif tentang tugas-tugas mereka. Kerajaan sedar bahawa ada beberapa kelemahan dalam procedures pentadbiran pada masa ini dan akan mengadakan satu sistem yang baharu, Jabatan Perdana Menteri sudah menubuhkan unit sepertimana yang saya telah terangkan tadi,

yunit ini ialah untuk memodenkan pentadbiran dan perancangan tenaga manusia supaya perkhidmatan Kerajaan boleh dijalankan dengan lebih licin.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada menyentuh tentang tugas-tugas Lembaga Urusetia Perpaduan Negara. Sebenarnya, Urusetia ini telah mengadakan beberapa rancangan supaya menyelidik lagi dengan mendalam masaalah-masaalah tentang perpaduan negara, dan ada juga sebuah penal penyiasat yang telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Urusetia itu boleh mendapat satu maklumat balas (feedback) tentang masaalah-masaalah yang dihadapi oleh negara ini. Tentang tanggungjawab untuk perpaduan negara bukan terletak di atas Lembaga Urusetia Perpaduan Negara sahaja bahkan semua Kementerian-kementerian yang lain dan agensi-agensi Kerajaan yang lain adalah tujuannya supaya mengiratkan lagi hubungan di antara semua kaum dan inilah tujuan Dasar Ekonomi Baru juga. Tidak boleh kita katakan bahawa tanggungjawab untuk perpaduan negara terletak di bawah tanggungjawab Lembaga Urusetia Perpaduan Negara sahaja.

Ada juga ditimbulkan di dalam Dewan ini berkaitan dengan cara-cara mendaftarkan pengundi-pengundi. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini beberapa kali sudah ditimbulkan di dalam Dewan ini dan samada pengundi-pengundi yang diwajibkan untuk mengundi atau tidak telah juga dibahaskan di Dewan ini. Saya berpendapat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa meneliti perkara ini dan jikalau mustahak Suruhanjaya ini akan menukar sistem-sistem yang sedang ada. Walau bagaimanapun perkara ini saya akan menyampaikan kepada Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya sebagai sungutan-sungutan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh tentang pencen Ahli-ahli Parlimen. Beliau menyatakan patut juga men-

dapat peluang untuk mendapat pendahuluan. Perkara ini saya akan mengkaji dengan kuasa-kuasa yang berkenaan samada mereka layak mendapat pendahuluan ini dari segi Undang-undang ataupun dari segi polisinya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga ada menimbulkan perkara mengenai bantuan kepada peniaga-peniaga kecil dan saya harap bahawa Ahli Yang Berhormat itu bolehlah memberi nasihat kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan beliau, jikalau mereka berminat untuk mengadakan peluang-peluang seperti ini mereka bolehlah berhubung dengan Pegawai Daeah ataupun Penguasa-penguasa Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menyentuh tentang patut Parlimen mengadakan satu peruntukan untuk merayakan pelawat-pelawat. Ada peruntukan yang ditetapkan untuk pelawat-pelawat yang datang dari luar negeri ataupun tempatan tetapi peruntukan ini sebanyak \$10,000 dan barangkali dari segi pandangan Ahli Yang Berhormat itu tidak mencukupi. Perkara ini boleh diuruskan sebagai perkara pentadbiran sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga ada menyentuh tentang patut kita adakan satu undang-undang mewajibkan warganegara Malaysia menjadi pengundi-pengundi di dalam pilihanraya dan beliau juga telah memberi kepada saya beberapa butir tentang kekurangan pengundi-pengundi dalam beberapa pilihanraya yang telah diadakan.

Berkaitan dengan Pusat Pengajian Ugama yang telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sepertimana yang saya terangkan tadi peruntukan ini ialah supaya membina satu Pusat di sebelah Masjid Negara untuk pejabat ini supaya penyelidikan ceramah boleh dilakukan atau dijalankan dengan lebih sempurna dan lebih berkesan. Bantuan kepada lain-lain masjid dan surau-surau ialah dari peruntukan yang lain di bawah jajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan peruntukan bukanlah dari peruntukan yang dihaskan untuk Pusat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah memberi butir-butir berkaitan dengan beberapa surat yang beliau katakan sudah dikirimkan kepada pihak Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya telah mengambil ingatan dan mencatatkan butir-butir tersebut dan saya akan mengkaji perkara ini samada sebenarnya surat-surat yang Ahli Yang Berhormat itu mengirimkannya kepada Yunit ini telah "diambushed" sepertimana yang Ahli Yang Berhormat itu jelaskan tetapi perkataan bahawa surat-surat ini sengaja telah diambushed ialah satu tuduhan yang berat dan saya akan mengkaji tuduhan itu samada benar ataupun tidak.

Beliau juga telah menyentuh tentang nepotisma dalam Syarikat Perkapalan Antarabangsa, MISC, tetapi barangkali Ahli Yang Berhormat masih ingat apabila saya mengemukakan perbincangan pada dasarnya dalam Dewan yang mulia ini kelmarin, saya telahpun ingatkan bahawa tuduhan ini adalah satu tuduhan yang berat dan saya akan menyelidiki tuduhan itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang siasatan atas Freemason dan perkara ini saya akan sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah juga menyentuh tentang patutnya menentukan satu tarikh yang tertentu untuk misalnya Hari Raya Haji. Perkara ini juga saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Berkaitan dengan jalan luar bandar di kawasan Matang, saya sedar bahawa peruntukan yang dikhaskan untuk rancangan-rancangan tersebut barangkali tidak mencukupi untuk memenuhi permohonan-permohonan yang telah dikemukakan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Kerjaraya dan pihak Jabatan Perdana Menteri, dan masa ini permohonan-permohonan itu sedang dikaji dan harapan bahawa jikalau tidak dapat memenuhi semua per-

mohonan dengan serentak barangkali peruntukan ini boleh ditambah di mana perlu. Oleh kerana perkara ini sudah beberapa kali ditimbulkan di sini patut juga saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini cara-cara bagaimana permohonan ini patut dibuat. Oleh kerana jalan luar bandar sepertimana yang Ahli Yang Berhormat dari Matang sebutkan tadi ialah satu tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri biasanya menggunakan pembekalan Kerajaan Negeri dahulu untuk membuat jalan-jalan itu. Selepas itu barulah Kerajaan Persekutuan membayar balik perbelanjaan-perbelanjaan yang berkenaan dan apabila jalan itu diwartakan sebagai jalan luar bandar; Kerajaan Negeri yang berkenaan ada hak minta bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk membuat maintenance dan juga adalah menjadi dasar Kerajaan Pusat supaya 75% daripada peruntukan itu digunakan untuk membina jalan-jalan baru dan menggunakan laterite dan 25% dari peruntukan itu ialah digunakan untuk menurap ataupun mengtarikan jalan-jalan yang sedia ada. Walaupun Ahli Yang Berhormat katakan beliau tidak tahu bahawa saya akan menjawab bahawa ini satu tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi benarlah dari segi undang-undang, dari segi Perlembagaan, ini adalah satu tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Pusat sedia menolong untuk membayar balik perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Beliau juga ada menyentuh tentang kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada penghulu-penghulu dan penggawa-penggawa dan perkara ini akan disampaikan juga kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada meminta supaya Parlimen mengadakan beberapa kemudahan kepada kakitangan-kakitangan Parlimen dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang untuk persidangan-persidangan Parlimen. Perkara ini akan diambil perhatian oleh Setiausaha Parlimen dan jikalau perlu dan di mana munasabah akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Dewan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga ada menimbulkan masalah-masalah tentang jalan-jalan luar bandar dan juga berkenaan dengan peruntukan-peruntukan untuk membina kuil-kuil, tokong-tokong dan rumah-rumah ibadat dan juga peniaga-peniaga kecil. Oleh kerana saya sudah memberi jawapan kepada ketiga-tiga perkara ini maka tidak payah saya ulangkan lagi sekali tentang hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta penjelasan samada Kerajaan sudah melantik seorang Pengerusi Tribunal yang akan ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kerajaan memang sudah mengambil keputusan melantik seorang menjadi Pengerusinya, walaupun nama calon itu belum diumumkan. Saya boleh memberi satu jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan tidak sengaja melambat-lambatkan perkara ini oleh kerana calon-calon yang akan dilantik menjadi ahli-ahli di dalam Panel ini dan Pengerusi panel itu mesti dipilih dengan telitinya oleh kerana mereka akan menjalankan tugas yang berat dan mereka mestilah yang layak untuk dipilih oleh kerana mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada Kerajaan sebagai majikan tetapi juga kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Beliau juga meminta apa sebabnya ada peruntukkan untuk Suruhanjaya di Raja Tan Sri Ibrahim Ali. Sebenarnya Suruhanjaya ini belum dibubarkan lagi sebelum Kerajaan menubuhkan panel ataupun Tribunal untuk mengkaji anomali-anomali. Tetapi saya boleh menyatakan di sini bahawa Urusetia Suruhanjaya itu sudahpun bekerja untuk menyiapkan memorandum-memorandum untuk dikemukakan kepada Tribunal apabila Tribunal itu menjalankan urusan yang diberi kepada Panel itu di bawah Akta Perkhidmatan Awam.

Berkenaan dengan kes-kes yang masih ada banyak yang belum diselesaikan lagi di Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah

Rendah, perkara ini adalah di dalam pengetahuan Kerajaan dan pengetahuan Jabatan Kehakiman, dan beberapa langkah telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Berkenaan dengan procedures of Parliament; Tuan Pengerusi telahpun memberi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya perkara itu dibawa kepada jawatankuasa tertentu dan saya tidak akan memberi apa-apa ulasan lagi tentang teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah membangkitkan masalah Telok Anson. Saya tidak menafikan bahawa masalah ini sudahpun mengambil masa yang lama untuk menyelesaikannya. Tetapi masalah ini bukan sahaja hendak pindah kepada satu bandar baru masalahnya ialah apa yang patut dibuat kepada penduduk-penduduk yang masih ada di dalam pekan Telok Anson.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, bandar Telok Anson ini letaknya ditepi Sungai Perak dan bandar itu pula kecil dan perbelanjaan \$60 juta seperti yang saya sebutkan itu bukan sahaja perbelanjaan untuk memindahkan penduduk-penduduk dalam kawasan yang terlibat tetapi juga untuk membuat batasan-batasan atau empangan-empangan supaya Sungai Perak itu tidak lagi ada erosion yang banyak yang boleh mengecilkkan lagi bandar Telok Anson. Ini bukan sahaja satu perkara yang ada menimbulkan implikasi kewangan tetapi juga menimbulkan implikasi teknikal — samada rancangan seperti ini boleh dijayakan atau tidak, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak telahpun mengambil suatu keputusan yang mustahak. Kata-lah, bandar Telok Anson tidak mahu lagi diselesaikan oleh kerana tidak ada satu teknik yang boleh mempertahankannya air dari sungai masuk ke dalam bandar itu. Dan kita ada dua tiga option dalam hal ini dan dukacita juga saya menyatakan bahawa walaupun masalah ini sudah mengambil masa yang

lama untuk mengkajinya tetapi baru sahaja Kerajaan Pusat mendapat satu lapuran dari pakar-pakar perunding dan lapuran ini sedang diteliti dengan giatnya. Buat sementara sepertimana yang saya terangkan di dalam Dewan yang mulia ini kelmarin, Kerajaan Pusat sedang mengambil langkah-langkah yang lain, membina jalan ke Sitiawan dan sebagainya supaya penduduk-penduduk di kawasan Telok Anson boleh ada peluang, jikalau berkehendakkan pindah ke kawasan yang lain. Walaupun Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa peruntukan perbelanjaan tidak mungkin dinaikkan kepada \$60 juta tetapi peruntukan \$60 juta ini ialah dari lapuran pakar-pakar perunding yang sudah diambil kira tentang semua rancangan yang ada jikalau Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak hendak menyelamatkan penduduk-penduduk di dalam kawasan Telok Anson. Saya tidak menafikan bahawa ini satu masaalah yang serius yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Telok Anson.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan perkara Juru-juru Odit. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, barangkali di dalam persidangan ini juga kalau sempat Kerajaan akan kemukakan kepada Dewan ini satu Rang Undang-undang berkaitan dengan kuasa-kuasa Juruodit dan Juruodit Negara (Auditor-General) supaya Auditor-General boleh mengadakan kuasa yang lebih berkesan untuk mengawal perbelanjaan Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapat peluang untuk membincangkan perkara itu apabila Rang Undang-undang itu dikemukakan kepada Dewan ini kelak dan saya tidak hendak berucap lagi dalam hal ini. Beliau juga menyentuh tentang cara-cara mendaftar pengundi dan saya tidak ada lain-lain perkara hendak menambah. Ahli Yang Berhormat itu juga telah memberitahu tentang beberapa kelemahan tentang kenaikan pangkat dan sebagainya, tetapi oleh kerana perkara itu terlalu umum, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat.

Akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh tentang kantin di dalam Parlimen yang tidak sesuai dan perkara ini telah diambil ingatan oleh Setiausaha Parlimen.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,208,600 untuk Kepala B.1, \$184,100 untuk Kepala B.2, \$9,830,800 untuk Kepala B.3, \$2,736,600 untuk Kepala B.4, \$2,249,200 untuk Kepala B.5, \$133,500 untuk Kepala B.6, \$1,228,100 untuk Kepala B.7, \$97,428,400 untuk Kepala B.8, \$134,341,400 untuk Kepala B.9, \$16,797,600 untuk Kepala B.10 \$796,100 untuk Kepala B.11, \$2,486,900 untuk Kepala B.12, \$1,515,000 untuk kepala B.13 dan \$17,775,400 untuk Kepala B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$197,128,177 untuk Kepala P.8 dan \$3,604,918 untuk Kepala P.10 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

**Tuan Pengerusi:** Kita ada masa sedikit lagi, saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementeriaannya.

*Kepala B.15 (Jadual) —*

*Kepala P.15 (Anggaran Pembangunan, 1978)*

—  
6.22 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato Michael Chen Wing Sum):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian saya bagi tahun 1978 di bawah Kepala Bekalan 15 dan Kepala Pembangunan 15. Sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini, saya suka memberi sedikit keterangan di atas kepala-kepala tersebut.

*Kepala Bekalan 15 — Perbelanjaan Mengurus*

Untuk tahun 1978, anggaran sebanyak \$3,850,700 di bawah Kepala Bekalan 15

adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian saya. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak \$1,885,000 dan selaras dengan perkembangan Kementerian yang membangun bagi melaksanakan tugas-tugasnya dengan lebih pesat, terutama menerusi jentera pembangunannya, iaitu Jabatan Perumahan Negara, di mana lebih 70% daripada jawatan-jawatannya telahpun dipenuhkan. Tambahan tersebut adalah juga akibat daripada pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet yang menyebabkan bertambahnya kadar gaji bulanan kakitangan di Kementerian ini. Dengan sebab itu peruntukan sebanyak \$2,242,400 adalah diperlukan di bawah Pecahan-kepala 1100 — Gaji dan Upahan, dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$1,000,700 yang telah diluluskan untuk tahun 1977. Dengan bertambahnya kakitangan di Kementerian ini perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan juga akan bertambah.

Lain-lain peruntukan yang besar jumlahnya ialah di bawah Pecahan-kepala 1200 — Elaun dan Lain-lain Habuan Wang di mana sebanyak \$420,500 telah diuntukkan berbanding dengan \$115,100 untuk tahun ini. Sebanyak \$300,000 daripada jumlah ini adalah untuk membayar elaun-elaun bulanan Penyelia-penyelia Pembangunan Kampung yang dahulunya ditanggungkan kepada Pecahan-kepala 2900 — Perkhidmatan Ikhtisas dan lain-lain Pekhidmatan yang dibeli dan Hospitaliti. Perubahan ini adalah satu langkah penyesuaian sahaja. Di bawah Pecahan-kepala 2100 — Perjalanan dan Pengangkutan Orang — sejumlah \$362,000 telah dicadangkan untuk 1978. Daripada jumlah ini \$180,000 adalah untuk memenuhi keperluan seks Perancangan Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, termasuk membayar tuntutan perjalanan pegawai-pegawai dan membiayai

kerja-kerja penyelidikan yang telah dimulakan dalam tahun 1977.

Satu aktiviti baru yang akan dijalankan oleh Kementerian menerusi Jabatan Perumahan Negara ialah Kajian Penyelidikan Perumahan di mana sebanyak \$20,000 di bawah Pecahan-kepala 2900 telah disediakan sebagai permulaan.

Pertambahan di lain-lain Pecahan-kepala adalah juga merupakan pertambahan aktiviti Kementerian ini yang dahulunya terhad kerana ianya diwujudkan semenjak bulan September, 1974 sahaja.

#### *Kepala Pembangunan 15 — Anggaran Pembangunan*

Anggaran sejumlah \$136,420,435 adalah diperlukan oleh Kementerian saya untuk melaksanakan berbagai-bagai projek di bawah pecahan-kecapan kepala berikut:—

(i) Pecahan-kepala 1 & 5	— Perumahan Awam	\$119,172,615
(ii) Pecahan-kepala 2	— Rancangan Perumahan Kampung Baru	10
(iii) Pecahan-kepala 3	— Perumahan Awam Tambahsuai	10
(iv) Pecahan-kepala 4	— Institiut Penyelidikan Perumahan Negara	200,000
(v) Pecahan-kepala 11	— Pelaburan dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak	8,998,800

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat kena sambung ucapan pada minggu hadapan.

#### *Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 28hb November, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*